



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 43

RABU 28 OKTOBER, 1987.

1408 ربيع الأول 5

PERCUMA

BERANGKAT BALIK

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berangkat balik pada hari Jumaat, 23 Oktober, lepas setelah menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Komanwel di Vancouver, Kanada baru-baru ini.

Mengalu-alukan keberangkatan balik baginda ialah kerabat-kerabat diraja, Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri, TYT Pesuruhjaya Tinggi British dan Setiausaha-setiausaha Tetap. Gambar kelihatan baginda ketika dijunjung ziarah oleh YAM Pengiran Muda Haji Hashim. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

DATA MAKLUMAT TANAH PERLU DISELARASKAN

Oleh: Zubaidah H S

GADONG. — Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap menegaskan bahawa masa telah tiba untuk kita mempunyai satu Sistem Penyelidikan Kebangsaan khusus bagi menyimpan data-data atau penerangan khas yang berhubung-kait dengan Sistem Maklumat Tanah.

Bagi mencapai hasrat ini, Dato Paduka Awang Haji Selamat berpendapat perlunya kita membentuk atau menubuhkan sebuah badan atau agensi yang bertanggungjawab memelihara dan menyelaraskan semua aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sumber penyelidikan itu.

Dato Paduka Awang Haji Selamat berucap demikian ketika merasmikan Seminar Ukur Tanah Asas Pembangunan (UTAP) kali ke-2 yang berlangsung di Gadong Village di sini pada 26 Oktober yang lalu.

Khusus bagi seminar tersebut, pihak penganjur telah mendatangkan pakar-pakar dalam bidang ukur tanah dan pemetaan bagi memberi ceramah dalam beberapa sesi bengkel.

Sebanyak enam kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar tersebut, yang berkisar dalam bidang ukur tanah dan pemetaan. Kertas-kertas kerja tersebut telah dibuat dan disampaikan oleh Prof. Dr. D.F. Dale dari England, Awang D.A. Grant dari Australia, Awang A.K. Tee dari Singapura, Awang A.D. Hosford dari Kanada, Awang O. Wastesson dari Sweden dan Bapak Lukman Aziz dari Bandung, Indonesia.

Seminar yang pertama "Kerangka Sistem Maklumat Tanah Yang Sempurna" itu telah dihadiri oleh para peserta seminar yang terdiri daripada

Lihat muka 24

Pengurniaan terasul

PADA menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa baginda telah berkenan mengurniakan terasul kepada Seri Laila Pengiring Di-Raja, seperti berikut: —

1. **YANG AMAT MULIA** terasul bagi Pengiran-Pengiran yang dilantik menjadi Seri Laila Pengiring Di-Raja.
2. **YANG DIMULIAKAN** terasul bagi orang kebanyakan yang dilantik menjadi Seri Laila Pengiring Di-Raja.

PETIKAN TITAH

“ Pada memberikan kemudahan-kemudahan kepada penuntut-penuntut yang belajar di luar negeri, kerajaan beta akan terus berusaha memberikan kemudahan-kemudahan yang difikirkan perlu dan dalam pada itu pula beta berharap yang penuntut-penuntut yang dapat menikmati kemudahan-kemudahan itu tidak akan mengecewakan harapan Negara Brunei Darussalam dan akan pulang ke tanahair dengan beroleh kejayaan. ”

Diambil dari majlis persantapan urutan Persatuan Penuntut-Penuntut Brunei di United Kingdom di Dewan Persantapan Lapau pada 25 Ogos, 1981 sempena hari keputeraan baginda ke-35 tahun.

Hadiri Mesyuarat Khas Menteri-menteri Ekonomi ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, Menteri Pembangunan dan Rombongan akan menghadiri Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN yang akan diadakan pada 29 dan 30 Oktober, 1987 di Republik

Singapura.

Yang Berhormat, Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail disertai oleh seorang pegawai kanan dari Kementerian Pembangunan.

Sementara itu rombongan yang diketuai oleh Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Salleh

bin Haji Hidup, Setiausaha Tetap (Pentadbiran) Kementerian Pembangunan menghadiri mesyuarat yang sama di peringkat pegawai-pegawai kanan. Rombongan terdiri dari pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pembangunan, Hal Ehwal Luar Negeri, Kewangan dan Perhubungan.

MANISNYA IMAN

“RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: “Tiada sempurna iman seseorang kamu, sebelum aku (Muhammad) dicintainya, lebih dari cinta kepada anaknya, ibu bapanya dan manusia semuannya.” — Hadis Nabi riwayat Muslim dari Anas bin Malik radhiallahuan.



28 OKTOBER, 1987

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

MENINGKATKAN KEWASPADAAN PERTAHANAN NEGARA

PERKEMBANGAN positif yang terus dicapai dalam bidang pertahanan kini meyakinkan bahawa keselamatan dan ketenteraman negara berada dalam keadaan terkawal. Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) merupakan tulang belakang utama ke arah menjamin keadaan demikian berterusan. Untuk itu juga penerokaan ABDB dalam beberapa strategi bidang ketenteraan adalah perlu bagi menambah dan meningkatkan kekuatannya sebagai sebuah ketumbukan pertahanan negara yang berwibawa.

Kita menyedari bahawa dengan saiz negara kita yang kecil dan penduduknya yang sedikit, kita amat memerlukan suatu suasana yang selamat di peringkat serantau dan antarabangsa bagi menjamin survival bangsa dan negara. Ini difikirkan perlu kerana rantau ASEAN sendiri ketika ini masih merasakan suasana yang tidak tenteram akibat kekacauan yang berlarutan di Indocina.

Sesungguhnya kewujudan ASEAN dalam menjamin rantau ini sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali tidaklah diasaskan pencapaiannya menerusi strategi ketenteraan. Malah ASEAN sendiri bukanlah merupakan sebuah pertubuhan pakatan tentera. Kerana itu amatlah perlu menjamin kestabilan rantau ini daripada tergugat oleh sebarang ancaman tentera mana-mana kuasa luar dan untuk menjamin keadaan yang selamat di perbatasan dan perairan negara-negara ASEAN itu pula adalah merupakan tugas dan tanggungjawab masing-masing negara anggota.

Kerana itu matlamat pertahanan negara yang dipikulkan kepada kewibawaan ABDB kini adalah lebih merupakan kepentingan pertahanan dalaman. Bagaimanapun kewaspadaan dalam mengamati keselamatan perairan dan perbatasan negara dari sebarang ancaman musuh yang tidak diingini adalah sentiasa diberikan perhatian.

Dalam menjaga dan mengekalkan ketenteraman yang berterusan itu, sudah sewajarnya ABDB memiliki kemudahan-kemudahan peralatan tentera yang moden dan sofistikated. Dalam pada itu, peningkatan kemahiran dan keupayaan sebagai sebuah pasukan tentera yang berkualiti dan sentiasa siap sedia untuk bertindak amat diperlukan.

Yang jelas ABDB sebagai sebuah institusi keselamatan di negara kita pada setiap tahun mendapat peruntukan perbelanjaan yang besar dalam belanjawan negara. Dengan peruntukan sedemikian adalah amat mudah dan wajar ABDB merancang dan mengatur beberapa strategi untuk menambah kekuatannya secara teratur dan berkesan. Dengan kemampuannya itu tidak mustahil kini ABDB sudah berkeupayaan mengendalikan peralatan tentera yang paling moden dan sofistikated seperti peluru berpandu 'Exocet' dan juga 'Rapier'.

Peruntukan yang besar, pemilihan senjata-senjata moden dan sofistikated serta kemahiran tentera yang tinggi yang dimiliki oleh ABDB, bukanlah dimaksudkan untuk menyaingi mana-mana negara dari segi ketenteraan, malah jauh sekali untuk menjadikan negara ini sebagai negara bersifat tentera. Keadaan sedemikian sebenarnya hanyalah merupakan sebagai pertahanan dan persediaan negara untuk menangkis sebarang pencerobohan luar.

Sesungguhnya hal ini juga bukanlah bermakna bahawa negara kita tidak menaruh kepercayaan kepada kejujuran dan setiakawan dari mana-mana negara. Namun kita juga patut mengambil ingatan bahawa hal-hal pertahanan perlu sentiasa diberi perhatian supaya dengan situasi demikian setiap anggota pertahanan negara akan sentiasa meletakkan dirinya siap sedia dalam keadaan berjaga-jaga dan terus mengekalkan semangat keperwiraan sepanjang masa dan ketika semata-mata untuk mempertahankan maruah bangsa, kedaulatan negara serta kesucian agama.

TERLEBIH dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas kesudian tetamu-tetamu, peserta-peserta SEA GAMES dan para hadirin sekalian di majlis pada malam ini yang mana adalah diadakan khusus untuk meraikan kepulauan kontinjen Negara Brunei Darussalam yang menyertai Sukan SEA di Jakarta baru-baru ini.

Di kesempatan ini juga saya, bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta rakyat dan penduduk negara ini ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah yang setinggi-tingginya kepada kontinjen Negara Brunei Darussalam kerana membawa kemenangan yang sungguh baik dari Jakarta khususnya kepada Awang Zabidi Ali yang meraih pingat emas dan juga kepada semua peserta yang telah memenangi pingat-pingat perak dan gangsa. Setentunya kemenangan ini adalah berkat usaha gigih abis kita semua dan juga saya percaya atas daya usaha pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dan persatuan-persatuan sukan yang terlibat dalam berazam meningkatkan prestasi sukan masing-masing.

Penyertaan negara kita kali ini telah menghasilkan keputusan yang paling baik sejauh ini dalam mana-mana pertandingan sukan yang pernah kita sertai, khususnya SEA GAMES. Saya kira dengan menyertai 11 dari 27 acara sukan yang dipertandingkan dan mendapat 24 pingat dari acara-acara yang disertai itu adalah satu pertanda baik untuk kita terus berusaha dengan lebih giat meningkatkan prestasi kita bukan sahaja dalam jenis-jenis sukan yang kita menangi tetapi juga memperingkatkan mutu dalam sukan-sukan yang kita kurang baik dan seterusnya meneroka serta mencuba disiplin-disiplin sukan yang lain yang kita belum cuba sehingga ini. Saya berharap di pertandingan yang akan datang bukan sahaja seharusnya kita mesti mempertahankan kemenangan yang telah diperolehi ini tetapi yang penting sekali ialah kita mesti menambah bilangan pingat yang kita pertandingkan. Perlu diingat bahawa pingat emas, perak dan gangsa kita perolehi itu bukan sahaja ia melambangkan "Personal Glory" kepada pemenang tetapi apa yang penting ialah mereka yang terlibat telah dapat mengharumkan nama negara ini di mata dunia antarabangsa melalui sukan.

Kita menyedari bahawa kita di Negara Brunei Darussalam ini mempunyai "constraint" dalam mencapai tahap "sports excellence" jika kita mengambil kira keramaian penduduk kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Walau bagaimanapun ini tidak seharusnya melemahkan harapan kita ke arah itu dan sebaliknya ia seharusnya pula dijadikan pendorong untuk kita lebih berazam meningkatkan mutu dan prestasi diri masing-masing kerana ini akan menjadikan sesiapa juga yang berjaya menjadi kum-

Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan

TINGKATKAN PRESTASI AHLI SUKAN NEGARA



UCAPAN penuh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika berucap di majlis meraikan Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA ke-14 di Jakarta yang telah dilangsungkan di Jerudong Park pada 16 Oktober, 1987.

pulan 'Elite' dalam squad sukan negara ini.

Dari pengalaman-pengalaman yang dilalui selama ini adalah benar kalau dikatakan bahawa, dalam keadaan yang normal, di samping 'physical fitness', kegigihan dan keazaman untuk maju, apa yang juga penting, malahan yang paling penting ialah disiplin. Disiplin, yang saya maksudkan ialah pengawalan diri sendiri, disiplin berketua, disiplin berpasukan dan disiplin dalam sebuah organisasi yang dianggotai oleh seorang ahli sukan. Pada umumnya disiplin akan dapat membentuk seseorang individu atau sekumpulan ahli sukan untuk menjadi ahli sukan yang baik, sama ada di segi mental, spiritual dan fizikal. Dari itu saya ingin menyeru kepada ahli-ahli sukan di negara ini supaya mengambil perhatian yang berat kepada soal ini kerana ini adalah kunci kepada kejayaan. Kita harus menghindari diri dari gejala-gejala yang tidak sihat yang dapat membantutkan usaha kita untuk berjaya seperti pengkhianatan sesama sendiri, internal politics yang mengusutkan, penyalahgunaan kedudukan dan kewangan dan berbagai lagi masalah yang tidak berkesudahan. Saya menimbulkan perkara ini ialah pada mengambil contoh kepada apa yang telah terjadi di negara-negara lain yang sering kita baca dalam akbar-akbar dan semoga semuanya ini akan menjadikan kita sentiasa 'dewasa', berwaspada sepanjang masa dan menguatkan azam bersatu padu dalam organisasi masing-masing.

Saya memerhatikan

bahawa di antara beberapa banyak persatuan sukan di negara ini, ada yang aktif dan ada yang ada pada nama sahaja. Kepada pemimpin-pemimpin persatuan sukan yang tidak aktif ini saya sukalah untuk memberikan seruan kepada mereka untuk sedar dari lamunan dan berganding bahu dengan pihak-pihak berwajib demi untuk kecemerlangan sukan di negara ini di masa-masa akan datang. Kepada mereka ini, saya menyarankan supaya memilih satu antara dua iaitu: Jika tidak lagi berkeupayaan memimpin persatuannya haruslah mengundurkan diri dan berikan kesempatan kepada mereka yang berminat; atau pimpinlah persatuan itu dengan sebaik-baiknya hingga mencapai kejayaan. Kepada pemimpin-pemimpin persatuan sukan saya ingin berpesan iaitu janganlah suka dengan perangai 'menyamal' kerana itu hanya akan merugikan diri sendiri dan kepada ahli-ahli sukan. Pengalaman menunjukkan bahawa ada di antara kita ini apabila tidak dibawa bertanding di luar negeri, perasaan ini akan mula timbul. Tentu ada sebabnya maka terjadi demikian dan untuk mencari jawapannya tanyalah diri sendiri. Secara umum saya suka juga menasihatkan kepada pemimpin-pemimpin persatuan sukan bahawa jagalah kebajikan dan kesejahteraan ahli persatuan masing-masing dengan sebaik-baiknya dan janganlah dihindarkan pengalamannya.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan telah, sedang dan akan seterusnya berusaha dalam membantu ahli-ahli sukan di negara ini untuk mencapai tahap kecemerlangan. Untuk meristakan serba sedikit usaha-usaha kerajaan ke arah ini ialah bantuan-bantuan khidmat-khidmat yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, pengambilan juru-jurulatih dari luar negeri, bantuan-bantuan kewangan bagi sesuatu projek tertentu ada juga untuk bertanding di dalam dan di luar negeri, pertolongan-pertolongan material facilities, dan berbagai-bagai lagi akan disediakan. Berhubung dengan infrastruktur kemudahan-kemudahan sukan, insya-Allah, jika tiada aral gendalanya kita akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan tersebut di seluruh Negara Brunei Darussalam ini. Dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memainkan peranan dalam perkara ini, apa yang juga perlu ialah timbal balas dari pihak yang satu lagi iaitu persatuan atau badan-badan sukan, dan juga atlet-atlet secara individu untuk sama mencapai apa yang dihasratkan. Mengambil peluang ini saya ingin menasihatkan kepada mereka yang terlibat untuk mengkaji dan menyusun semula strategi mereka baik dari perancangan, latihan, pelaksanaan projek dan juga usaha untuk menarik penglibatan belia dalam bersukan. Semoga dengan usaha-usaha sedemikian akan memberkesankan lagi usaha kita bersama dalam meningkatkan lagi prestasi sukan di negara ini.

Lihat muka 9



GAMBAR atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berkenan menyaksikan sebahagian dari jenis masakan yang dipamerkan. Gambar atas kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta lain-lain kerabat diraja ketika berangkat di majlis pembukaan rasmi Pameran Urusan Rumah tangga PEKERTI.



KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI RASMI PAMERAN URUSAN R-TANGGA

GADONG. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan berangkat merasmikan pameran urusan rumah tangga anjuran Perkumpulan Isteri-Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) di Mess Pegawai Polis di sini pada 25 Oktober lalu.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Yang Dipertua PEKERTI, Datin Suraya Haji Harun dan ahli-ahli jawatankuasa tertinggi perkumpulan itu.

Di majlis tersebut baginda juga berkenan menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang pertama pameran dan piala rebutan kepada Cawangan D yang telah terpilih sebagai cawangan yang terbaik. Baginda juga kemu-

diannya berkenan menyaksikan pameran urusan rumah tangga oleh ahli-ahli PEKERTI.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.

PEKERTI ditubuhkan pada akhir tahun 1985 dengan tujuan untuk

Oleh Haniza Abdullah
Pg. Haji Yaakub PMHH

memperbaiki perasaan muhibah di kalangan ahli-ahlinya di samping mengentengahkan pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada pada ahli-ahlinya.

Hasrat PEKERTI untuk mengentengahkan kebolehan ahli-ahlinya sebagai seorang wanita, kini telah terlaksana dengan kejayaan mereka menganjurkan pameran

urusan rumah-tangga yang merupakan projek PEKERTI yang besar setakat ini.

Di pameran selama sehari itu jelas memperlihatkan kepada kita akan kebolehan mereka membentuk dan menggubah bunga-bunga dari berbagai jenis bahan seperti sabun, lilin, kertas, benang dan barang yang tidak diperlukan lagi. Di samping itu berbagai aneka lipatan kain dan masak-masakan juga turut dipamer dan dipertandingkan.



KEBERANGKATAN tiba baginda ke majlis tersebut dijunjung dengan taburan bunga rampai oleh anak-anak ahli PEKERTI.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada salah seorang ahli PEKERTI yang memenangi salah satu pertandingan.



GAMBAR atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dengan diiringi oleh Yang Dipertua PEKERTI, Datin Suraya ketika menyaksikan sebahagian dari kreatif gubahan untuk hantaran. Gambar bawah ahli-ahli jawatankuasa dan lain-lain jemputan yang hadir di majlis tersebut.



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-404

SIAPA DIA AL-IMAM AL-MAHDI

MENURUT riwayat Al-Imam As-Sakhaawi itu bahawa Ibnu Khaldun itu tahu ilmu hadis sama seperti kebanyakan penuntut ilmu zaman sekarang, tebuk lembaran sana sini dalam suatu kitab, bagaimanakah pula dia dapat menghukumkan hadis-hadis perkara Al-Mahdi dhaif atau lemah, Faaqidush Shaie Laa Yu'tih.

Menurut Al-Imam As-Sakhaawi: Setengah-setengah penulis pada riwayat Ibnu Khaldun tiada menyebutkan Ibnu Khaldun sebagai orang berilmu Islam, tetapi ia sebagai orang ahli sastera. Jadi bagaimanakah boleh Ibnu Khaldun menghukumkan hadis-hadis perkara Al-Mahdi itu dan membuat keputusan yang betul padahal ia ahli sastera, seperti itu juga tersebut dalam Shazaraatuz Zahab dan Al-Badrut Taali'.

Kira-kira 30 tahun yang lalu saya telah membaca kitab Ibraazul Wahmil Maknuuni min kalaami Ibni Khaldun atau Al-Murshidul Mubdi li

fasaadi ta'nibni Khalduna fii ahaadiithil Mahdiyyi karangan Al-Muhaddithu As-Syed Ahmad As-Siddiq Al-Ghumari dicetak oleh Maktabatul Qudsi di Kaherah tahun 1347 Hijrah berkenaan dengan ia menolak perkataan Ibnu Khaldun dalam perkara Al-Imam Al-Mahdi. Naskhah saya itu tiada di tangan saya sekarang. Begitu juga Al-Allamah Shaikhuna Muhammad Habibullah Ash-Shinqiyati telah menolak perkataan Ibnu Khaldun dalam perkara Al-Imam Al-Mahdi Al-Muntadzir dalam Al-Jawaabul Mueni'ul Muharraru fii akhbaari Isa Wal Mahdi dicetak tahun 1345 Hijrah sebagaimana Al-Allamah itu menyebutkan ketika ia membahas hadis turunya Nabi Isa dalam kitabnya Zaadul Muslimi fiimaat tafaqa 'alaihil Bukhari wa Muslim dicetak di Mesir 5 penggal, sayugia dibaca oleh penuntut dan ahli ilmu. Naskhah saya tiada juga di tangan saya sekarang.

Saya telah menatap semula

Ibraazul wahmil maknuun dan Al-Jawaabul Muqni'ul Muharraru fir riddi 'ala man taghaa Watajburu bida'waa 'annhu Isa awil Mahdi Al-Muntadzar. Kedua kitab ini apabila dilihat oleh setengah-setengah sahabat, maka mereka telah menyalin keduanya dengan photostet, kitab-kitab seperti ini mustahak ada di tangan pada menjawab keraguan ahli ilmu Islam yang separuh matang pada zaman sekarang, yang timbul dari satu masa ke satu masa dalam perkara turun Nabi Isa Alaihis Salam dari langit dan keluar Al-Imam Al-Mahdi Al-Muntadzir dan seumpamanya.

Apa yang disebut oleh Al-Muhaddithu As-Syed Ahmad As-Siddiq dalam Al-Ibraaz itu lebih kurang apa yang telah saya sebutkan di sini dahulu dari ini.

Al-Muhaddithu As-Siddiq Al-Ghumari menyebutkan kitab-kitab yang menyebutkan hadis-hadis perkara Al-Imam Al-Mahdi lebih kurang sebagaimana

kitab-kitab telah kita sebutkan dahulu dari ini.

Kemudian ia menyebutkan bahawa hadis perkara Al-Imam Al-Mahdi itu telah diriwayatkan oleh lebih kurang dari 30 orang dari segenap lapisan dari zaman sahabat sehingga hadis-hadis itu ditulis dalam kitab-kitab hadis. Orang-orang 30 orang pada setiap lapisan dari zaman sahabat mustahil pada adat mereka berbuat atau bersekutu pada berbuat bohong pada hadis-hadis yang diriwayatkan oleh mereka. Ini dinamakan dia hadis mutawatir atau khabar mutawatir. Kemudian ia menyebutkan 30 orang sahabat Radhiallahu Anhum yang meriwayatkan hadis-hadis perkara Al-Imam Al-Mahdi itu dan ia telah mengeluarkan hadis 28 orang sahabat dari berbagai-bagai turuq dan jalan rawinya pada seluruhnya sebagai ia menguat dan menyokong ulama Islam yang telah mengarang atau menyebutkan perkara Al-Mahdi Al-Muntadzir itu yang telah

Bahagian Keempat belas

masyhur awal dari awal-awal Islam.

Katanya: Ramai orang sekarang telah mengetahui perkara tawtir hadis Al-Mahdi itu dan mereka telah disesatkan oleh orang-orang yang ingkarkan keluarnya Al-Mahdi dan orang-orang telah mengatakan hadis-hadis Al-Mahdi itu dhaif padahal mereka jahilkan perkara dhaif atau hadis dhaif itu. Hanya mereka bersandar kepada perkataan Ibnu Khaldun bahawa pada setengah-setengah hadis itu ada cacat dan bohong, dan Ibnu Khaldun telah menuduh ulama-ulama hadis yang thiqat itu dengan berbagai-bagai tuduhan, padahal Ibnu Khaldun itu dalam bidang hadis yang luas itu tiada mempunyai tempat, dan



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

tiada ada bahagian dalam perkara hadis walaupun sesukat atau seberat setahil pun. Sebenarnya kita boleh iktimadkan perkataan Ibnu Khaldun itu pada mentahiqq perkara Al-Mahdi itu. Sebenarnya kalau mahu masuk rumah, masuk dari lubang pintunya. Dan sebetulnya hendaklah kita rujuk pada tiap-tiap pekerjaan kepada tukangnyanya (Ibnu Khaldun hanya tahu sastera dan menulis persuratan Arab sebagaimana orang-orang beriktimad kepadanya dalam perkara ilmu hadis, hairan!) Jadi tiada boleh dipakai dalam perkara hadis sahih atau dhaif melainkan perkataan ulama dan pakar-pakar hadis sahaja.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)

ADAKAN LAWATAN KE REPUBLIK SINGAPURA

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Menteri Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam telah mengadakan lawatan ke Republik Singapura baru-baru ini.

Turut serta dalam rombongan Yang Berhormat ialah Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abd. Aziz bin Juned, Pengarah Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dalam gambar kanan kelihatan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Zain bersama Yang Berhormat Dr. Ahmad Mattar, Menteri Alam dan Sekitar Republik Singapura semasa menghadiri jamuan makan malam yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam ke Republik Singapura bertempat di kediaman rasmi Tuan Yang Terutama pada 16 September yang lepas. — Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam.

Rombongan perubatan ke kawasan pedalaman

ROMBONGAN Perubatan yang menggunakan pesawat helikopter akan melawat ke kawasan pedalaman mulai 2 November 1987.

Jadual lawatan ke tiap-tiap kawasan adalah mengikut jadual termasuk kawasan pedalaman tiap-tiap Daerah:—

Kampung	Ulu	Tarikh	Hari
Lopat	Temburong	2.11.87	Isnin
Lamaling	Temburong	3.11.87	Selasa
Ukong	Tutong	9.11.87	Isnin
Sukang	Belait	10.11.87	Selasa
Belabau	Tutong	11.11.87	Rabu
Melilas	Belait	16.11.87	Isnin
Supon Besar	Tutong	17.11.87	Selasa
Long Mayan	Tutong	18.11.87	Rabu
Bukit	Tutong	23.11.87	Isnin
Teraja Apak-Apak at 1100	Belait	24.11.87	Selasa
Buau	Belait	25.11.87	Rabu
Benutan	Tutong	30.11.87	Isnin

Penerbangan tambahan akan diperlukan bagi Perkhidmatan Perubatan Terbang pada melawat Kampong Merangking, Ulu Belait, bagi bulan November 1987, jika keadaan jalan raya tidak dapat dilalui disebabkan banjir.



Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 28 Oktober hingga ke hari Selasa 3 November, 1987 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Oktober												
28	12.06	3.24	3.25	6.02	6.03	7.13	7.14	4.54	4.40	4.55	6.05	6.06
29	12.06	3.24	3.25	6.02	6.03	7.13	7.14	4.54	4.40	4.55	6.05	6.06
30	12.06	3.24	3.25	6.02	6.03	7.13	7.14	4.54	4.40	4.55	6.05	6.06
31	12.06	3.24	3.25	6.02	6.03	7.13	7.14	4.54	4.40	4.55	6.05	6.06
November												
1	12.06	3.24	3.25	6.02	6.03	7.13	7.14	4.54	4.40	4.55	6.05	6.06
2	12.06	3.24	3.25	6.01	6.02	7.13	7.14	4.54	4.40	4.55	6.05	6.06
3	12.06	3.25	3.26	6.01	6.02	7.13	7.14	4.54	4.40	4.55	6.05	6.06

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu. Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Untuk memelihara persaudaraan Islam

HINDARKAN DIRI DARI PRASANGKA TIDAK BAIK



suara
dari
mimbar

MARILAH kita di dalam hidup ini selalu berusaha memupuk jiwa supaya sentiasa bertakwa kepada Allah dalam erti kata yang sebenarnya. Iaitu dengan jalan mematuhi segala perintah Allah serta menjauhi larangan-Nya.

Sebagai seorang Muslim kita hendaknya janganlah sampai melakukan suatu perbuatan yang boleh menyebabkan merosot nilai keislaman kita itu. Sama ada merosot dari pandangan masyarakat apatah lagi dari penglihatan Allah Subhanahu Wataala.

Sebagaimana kita ketahui bahawa Islam mewajibkan kita iaitu seluruh kaum Muslimin dan Muslimat di mana pun jua berada, agar selalu hidup saling rukun. Berpegang teguh terhadap silaturrahim di dalam suasana persaudaraan yang benar-benar erat dan bersatu. Iaitu persaudaraan yang bukan banya dalam bentuk lahiriah sahaja, bahkan lahir dari batin. Iaitu persaudaraan yang membawa kebaikan di dunia mahupun di akhirat nanti.

Lantaran itu kalaulah kita umat Islam antara satu sama lain tidak dapat hidup rukun dan damai serta saling bersefahaman dan bermuafakat bahkan sentiasa bermusuhan dan saling tidak bersefahaman jauh menjaui maka adalah bererti kita telah lari dari ketetapan landasan ajaran-ajaran Islam yang mana pun sudah tentu akan menjauhkan diri kita dari rahmat Allah Subhanahu Wataala.

Untuk memelihara akan rase persaudaraan itu dapat subur dalam kehidupan umat dan masyarakat Islam, maka Islam telah memberikan garis-garis tertentu yang merupakan adab sopan yang mesti dihormati dan dijunjung tinggi oleh segala lapisan masyarakat.

Adapun garis-garis pergaulan yang menjadi ketentuan di dalam Islam supaya diamalkan oleh kita orang Islam di dalam hidup bermasyarakat supaya masyarakat itu hidup aman damai ialah supaya jangan sampai antara kita sesama kita mempunyai prasangka yang tidak baik atau prasangka yang tidak baik yang dinamakan 'suuzan'.

Sebab pun mengapa Islam menegah pengikut-pengikutnya dari menaruh prasangka yang tidak baik atau 'suuzan' kerana hal ini boleh menyebabkan retaknya tali persaudaraan bahkan boleh menyebabkan keruh pergaulan yang akibatnya membawa kepada saling tidak percaya-mempercayai antara satu sama lain.

Kerana itu Rasulullah sendiri ada membuat tegahan di dalam perkara ini yang sabdanya yang kira-kira bermaksud: *'Jauhilah oleh kamu prasangka yang tidak baik kerana sesungguhnya sangkaan itu sebohong-bohong percakapan.'*

Imam At-Hatthabi di dalam kitab Sabilussalam mengatakan bahawa prasangka yang dimaksudkan di dalam hadis tadi ialah tuduhan atau prasangka yang tidak beralasan yang tidak jelas sebab-sebabnya seperti menyangka atau menuduh seseorang berbuat fahasyah (keburukannya) padahal belum nyata atau tidak ada tanda yang menunjukkan dia berbuat keburukan itu. Manakala mengikut riwayat Assaddalimi bahawa prasangka yang dilarang melakukannya itu ialah yang dinamakan 'suuzan' iaitu prasangka yang tidak baik.

Sebenarnya tegahan melakukan prasangka yang tidak baik atau 'suuzan' itu bukan sahaja terhadap sesama manusia bahkan juga terhadap Allah Subhanahu Wataala. Sebaliknya menaruh sangka baik terhadap Allah adalah wajib pula hukumnya.

Mengikut Al-Imam Az-zamahsyari bahawa apa yang dikatakan 'dzan' atau menaruh sangkaan itu terbahagi kepada empat macam hukum.

Pertama dzan atau menaruh sangkaan yang wajib hukumnya iaitu yang dinamakan Hussnul-lazani atau menaruh sangkaan yang baik terhadap Allah Subhanahu Wataala. Kerana Allah itu memang sifatnya sentiasa baik dan Dia tidak sekali-kali akan menerima sesuatu melainkan yang hanya terdiri daripada yang baik-baik.

Lantaran itu adalah tidak wajar bagi kita sebagai makhluk-Nya untuk meragukan apa-apa yang dilakukan Allah kepada kita apa lagi memikirkan perkara-perkara yang tidak-tidak atau yang tidak baik terhadap Allah sama ada secara tidak sengaja apatah lagi dengan sengaja. Kerana itu di dalam hukum yang kedua ialah dzan atau menaruh sangka yang haram hukumnya dilakukan oleh manusia iaitu prasangka yang tidak baik terhadap Allah umpamanya seseorang menaruh sangka terhadap Allah sebagai tidak adil atau tidak patut disebabkan keadaan hidup tidak senang atau semewah orang lain atau ianya sering sahaja ditimpa malang langsung disangkakan Allah tidak adil dan sebagainya. Maka prasangka yang sedemikian itu adalah haram hukumnya.

Begitu juga adalah haram hukumnya menaruh prasangka tidak baik terhadap seseorang yang benar-benar nyata kebajikannya dan kejujuran serta kemuliaannya bahkan ianya bukan pula tergolong daripada orang-orang yang fasik.

Manakala hukum menaruh sangka yang ketiga ialah sunat iaitu dengan menaruh sangka baik terhadap seseorang lain yang kelihatan dalam gerak-geri lahiriah adalah adil tidak menyeleweng dari garis-garis ketentuan syarak. Di mana kita hendaklah menaruh kepercayaan kepadanya tidak menaruh sangkaan yang tidak-tidak terhadapnya. Kerana dari segi lahirnya memang ianya orang yang baik-baik kecuali bila ada gejala atau unsur-unsur yang menunjukkan ketidakbaikannya. Itupun kita hendaklah membuktikannya lebih dahulu. Kerana seorang Muslim sejati tentulah dapat dipercayai sebab Islam ada mengajarkan penganutnya supaya beringkah laku yang baik dan berkelakuan baik. Kalaulah seorang itu asalnya

baik kemudian menjadi tidak baik maka tentulah ada sebab lain yang semestinya disiasat dan diselidiki terlebih dahulu.

Adapun hukum menaruh sangkaan yang keempat ialah harus hukumnya iaitu 'suuzan' (menaruh prasangka yang tidak baik) terhadap seseorang yang memang suka melakukan perkara maksiat dan mungkar dengan terang-terang sehingga tidak menaruh rasa malu dan segan baik terhadap Allah apatah lagi terhadap sesama saudara Islamnya yang lain di mana orang-orang yang seperti ini lazimnya disebut sebagai orang fasik maka bagi orang yang fasik kita adalah harus menaruh prasangka serta syak wasangka terhadapnya dan kita tidak harus segera percaya terhadap apa yang datang daripadanya. Bahkan Allah sendiri ada memberi peringatan di dalam Al-Quran di dalam Surah Al-Hujarat ayat 6 yang kira-kira tafsirnya: *'Jika datang kepada kamu orang yang fasik membawa satu berita maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan sesuatu musibah kepada*

sesuatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan kamu itu.'

Oleh kerana itu harus kalau kita sekiranya menaruh prasangka yang tidak baik terhadap orang-orang yang fasik kerana seorang yang fasik yang suka melanggar hukum-hukum Allah perintah atau larang-Nya baginya adalah sama tidak mendatangkan apa-apa kesan terhadap dirinya.

Demikianlah mengenai huraian pengaruh sangkaan

baik dan prasangka yang tidak baik di dalam Islam di mana kita hendaklah berhati-hati di dalam perkara ini supaya bukan sahaja kita sendiri yang akan menerima akibat keburukannya bahkan boleh mendatangkan hubungan silaturrahim yang tidak sihat dan tidak mendapat keredaan daripada Allah. Oleh itu demi menjaga dan memelihara silaturrahim yang baik sesama Islam sewajarnya kita berhati-hati untuk menaruh prasangka yang tidak baik (suuzan) terhadap sesama saudara Islam kita yang lain.

MENEPATI JANJI SENDI HIDUP BERMASYARAKAT

MENEPATI janji ertinya menyempurnakan segala yang telah kita janjikan, sama ada persetujuan atau permuafakatan itu dibuat antara dua orang atau lebih. Segala yang kita akui dengan hati yang reda dan muktamad adalah semestinya ditunaikan. Allah ada berfirman dalam surah Ash-Shaf ayat 2 dan 3 yang kira-kira bermaksud: *'Wahai segala mereka yang beriman! Mengapakah kamu mengatakan apa yang tidak kamu kerjakan? Sangat besar benci Allah, kamu mengatakan (membicarakan) apa yang tidak kamu mengerjakannya.'*

Sesungguhnya menyempurnakan atau menyempurnakan janji itu merupakan salah satu dari sendi hidup bermasyarakat dan sosial. Bahkan agama kita menggalakkan supaya sentiasa dan tetap berperangai tulus pada menyempurnakan janji. Dengan bersifat demikian, akan dapat mengurangkan kekeruhan dalam pergaulan manusia malah menimbulkan sikap percaya-

mempercayai di antara satu sama lain dan jauh dari sifat suka tagih-menagih, tunggu-menunggu bahkan hilanglah sikap dan tingkah-laku pada mengingkari setiap hak yang sebenar. Bukan sahaja setakat itu, malahan dengan menepati janji secara tidak disedari bahawa kita dapat mengelakkan diri dari kecurangan dan menerima dosa akibat dari mungkir janji. Lebih jauh daripada itu, mungkir janji boleh merosakkan keimanan dan membinasakan umat.

Pada dasarnya, menurut pandangan Islam bahawa orang yang bertanggungjawab penuh adalah mereka yang menepati janji, meskipun ia terpaksa menghadapi kesulitan-kesulitan dan bencana-bencana kerana bahkan ia teguh pada memegang janji dan menunaikannya tepat pada masa dan waktunya serta apa yang telah dijanjikan.

Seorang yang suka mungkir janji boleh memesongkan dirinya pada berperangai berani berdusta. Lantaran itu berfikirilah sebelum membuat

janji, kerana apabila berjanji dengan seseorang dengan persetujuan bersama, bermakna suatu ikrar yang mesti ditunaikan, kalau diingkari bererti bukan sahaja boleh meretakkan perhubungan yang baik bahkan yang ingkar menunaikan janjinya akan menerima balasan dari Allah Subhanahu Wataala atas segala perbuatannya. Tunaikanlah janji dengan sebenar-benarnya dan jangan hanya tinggal akuan dan ucapan lidah sahaja. Lebih wajar lagi bila kita perkatakan bahawa dengan menepati janji banyak faedah-faedah yang boleh kita peroleh, seumpamanya bila seseorang itu menghendaki sesuatu pertolongan, segera orang menolongnya, hidupnya dipandang mulia dan orang sentiasa menghormati dan khasnya disegani oleh sekalian masyarakat bahkan pintu usahanya terbuka lebar dan jalan-jalan kebajikan terbentang luas baginya. Sebaliknya pula, bagi yang mungkir janji akan dibenci, tidak dihargai, bahkan akan mendapat kerugian dan

keruntuhan hidup bermasyarakat.

Tegasnya ajaran agama kita tidak menggalakkan dan membenarkan umatnya memungkir janji walaupun urusan-urusan itu dipandang kecil yang tidak menghasilkan kemelaratan apabila memungkirnya tetapi demi untuk membiasakan dan melatih agar umat Islam sentiasa beringat-ingat apabila membuat perjanjian (berjanji).

Adapun janji yang wajib ditepati adalah paling utama janji kita kepada Allah Subhanahu Wataala. Selain dari itu, menepati janji sesama hamba Allah iaitu janji kebaikan yang tidak berlawanan dengan perintah Allah Subhanahu Wataala. Manakala janji-janji yang dibuat untuk sesuatu hajat kerana ingin merosakkan, mengerjakan sesuatu maksiat, maka sekalipun dibuat atas nama perjanjian wajiblah dibatalkan dan jangan sekali-kali dilakukan kerana perbuatan yang sedemikian itu berlawanan dengan ajaran Islam.

Menuju
Keredaan
Allah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika melafazkan titah sempena kemasukan Negara Brunei Darussalam menjadi ahli ke-159 pada 21 September, 1984.

24 OKTOBER merupakan salah satu catatan sejarah yang penting di dunia, pada tarikh tersebut pada tahun 1945 dengan rasminya telah diisytiharkan sebagai hari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sempena penubuhan badan dunia itu di San Francisco, Amerika.

"Kami rakyat dan penduduk bangsa-bangsa bersatu berazam untuk menyelamatkan generasi akan datang dari kecemasan peperangan." Demikianlah bunyi Piagam Bangsa-bangsa Bersatu yang menjadi keagungan dan pegangan badan dunia itu yang telah ditandatangani oleh 50 buah negara perwakilan ke badan dunia itu pada 26 Jun, 1945 di San Francisco.

Keanggotaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terbuka kepada semua negara yang mencintai keamanan dan bersedia mematuhi Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

KEANGGOTAAN PBB

Dari sekecil-kecil bilangan penduduk negara Saint Christopher dan Nevis yang berjumlah 45,000 orang dan semiskin-miskin negara Chad yang berpendapatan purata tahunan sebanyak US\$100 telah menganggotai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Namun demikian ada beberapa buah negara yang tidak menganggotai badan dunia itu, bukan kerana mereka tidak ingin menyertainya, tetapi atas sebab-sebab tertentu, antaranya mereka tidak boleh diterima menjadi ahli dan ada pula hanya setakat menjadi pemerhati tetap. Walaupun nampaknya keanggotaannya terbuka kepada semua negara yang mencintai keamanan dan bersedia mematuhi Piagam Bangsa-bangsa Bersatu, namun tidaklah mudah untuk menjadi ahli badan dunia itu.

Kelahiran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah dihasratkan untuk menjadi payung pelindung bagi mewujudkan kesempurnaan dunia dengan memberikan harapan kepada manusia sejagat; menjamin manusia akan datang bebas dari peperangan; meningkatkan penghormatan kepada hak-hak asasi manusia dan kebebasan-kebebasan asas; membekalkan jentera bagi kemajuan ekonomi dan sosial dan untuk berkhidmat sebagai sebuah pusat bagi mententeramkan kegiatan-kegiatan negara-negara berdaulat.

MENCIPTA DUNIA AMAN

Dilihat dari segi matlamat penubuhan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ialah untuk mencipta sebuah dunia yang aman damai lagi makmur. Tetapi apa yang kita

Timbulnya pergolakan dan konflik di merata dunia

PBB BERHASRAT CIPTA DUNIA YANG AMAN

lihat sekarang dunia ini penuh peperangan dan keganasan. Maka timbullah berbagai pertanyaan di mana letaknya peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu? Apa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah buat?

Agak sukar untuk memberikan jawapan tepat terhadap persoalan-persoalan seumpama itu. Kerana kita tahu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah memperlihatkan usaha yang gigih untuk mententeramkan negara-negara yang terlibat dalam kancah peperangan. Namun usaha-usaha itu sebahagiannya masih belum berhasil kerana ada di antara negara-negara yang terlibat tidak mahu diundang ke meja perundingan.

Namun demikian Negara Brunei Darussalam selaku ahli yang ke-159 badan dunia itu telah menyatakan sokongan dan keyakinannya sepertimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena penerimaan kemasukan negara kita menganggotai badan itu pada 21 September, 1984 di ibu pejabat PBB di New York.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam duduk di tempat perwakilan Negara Brunei Darussalam sejurus selepas diterima menjadi ahli ke-159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).



GAMBAR merakamkan suasana di dewan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1984.

OLEH TIMBANG BAKAR

"Kami ingin meyakinkan perhimpunan ini bahawa kami menerima sepenuhnya tanggungjawab yang termaktub dalam Piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Bersama-sama dengan negara anggota yang lain, kami akan sentiasa menepati tujuan dan matlamat ini. Kami penuh percaya dalam mengekalkan keamanan di dunia ini adalah melalui keselamatan bersama. Kami menyokong langkah meningkatkan perkembangan ekonomi dengan cara saling bantu-membantu. Kami akan menyokong prinsip bahawa setiap negara mempunyai hak yang tidak boleh diabaikan untuk menubuhkan bentuk kerajaannya sendiri, tanpa sebarang campur tangan luar dan selalu menghormati keadaan yang lazimnya dalam sesebuah negara dan aspirasi rakyatnya sendiri untuk mencapai kebahagiaan dan taraf hidup yang lebih baik."

Berhubung dengan terdapatnya pendapat yang mengatakan bahawa Bangsa-bangsa Bersatu tidak wujud sebagaimana yang diharapkan oleh para anggotanya dan ada pula yang menganggapnya sebagai sebuah badan yang tidak berfaedah, menurut baginda: "Kami yakin ini

bukanlah kerana terdapat kesilapan dalam matlamat Bangsa-bangsa Bersatu berjalan dengan berkesan adalah bergantung kepada para anggotanya. Ianya hanya dapat berjalan dengan berkesan mengikut keupayaan negara-negara anggota. Bagi kami negara-negara yang kecil, kami memerlukan Bangsa-bangsa Bersatu lebih daripada negara-negara lain. Tetapi kenyataan ini tidak menunjukkan bahawa perwakilan kami tidak akan membuat sebarang kritikan. Bila berbangkit keadaan itu kami akan mengkritik, tetapi kami tidak akan berbahasa kasar ataupun tanpa sebarang matlamat."

Selaku negara ahli Negara Brunei Darussalam mempunyai peranan dan tanggungjawabnya menurut keupayaan yang ada. Memberikan sumbangan buah fikiran dan pandangan merupakan salah satu peranan negara kita kepada badan itu.

BERI KEWAJIPAN POLITIK

Baru-baru ini sekali lagi Negara Brunei Darussalam menyuarakan dengan lantang harapannya terhadap badan dunia itu. Harapan dan saranan itu telah disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri di majlis Perhimpunan Agung ke-42 pertubuhan itu yang diadakan pada 6 Oktober lepas di New York.

Duli Yang Teramat Mulia menggesa agar negara-negara Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu memberikan kewajipan politik yang diperlukan kepada badan dunia itu untuk mengekalkan pergerakannya di samping menghormati resolusi yang diluluskan.

"Adalah menjadi peranan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menggalakan keamanan dan keselamatan antarabangsa. Kita berilah peluang kepada Bangsa-bangsa Bersatu untuk mencapai kejayaan. Sewajarnya bagi kita memberi Bangsa-bangsa Bersatu kewajipan politik yang diperlukannya untuk mengekalkan pergerakannya dan dengan menghormati resolusi yang diluluskan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Jika kita semua mempunyai tekad dan keazaman untuk mencipta satu dunia yang aman damai, saya percaya yang kita semua akan berjaya. Kegagalan adalah terlalu berat untuk kita semua tanggung," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Selain dari meredakan peperangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu juga berperanan meningkatkan ekonomi dan perkembangan sosial negara ahli-ahlinya, umpamanya di bidang permakanan, pertanian dan kesihatan. Bidang pelajaran juga dititik beratkan oleh badan dunia ini dengan memberikan berbagai bantuan dan kemudahan pembelajaran.

PBB juga menekankan betapa pentingnya Hak Asasi Manusia dengan memberikan kebebasan kepada setiap insan untuk menjalani hidupnya terhindar dari penganiayaan, penyalakan, penjarahan dan sebagainya. Menurut perisytiharan Hak Asasi Manusia pertubuhan ini setiap manusia tidak boleh dianiaya atau diberikan layanan atau hukuman yang di luar perikemanusiaan atau yang merendahkan tarafnya sebagai seorang manusia.

Penuntut-penuntut diingatkan

Oleh Bolhassan HAB

Tumpu perhatian terhadap pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Penyiaran dan Penerangan Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani mengingatkan para penuntut yang bakal menjadi pemimpin hari esok agar menumpukan perhatian serius terhadap pelajaran mereka serta mengekalkan indentiti kebruneian.

Pengiran Badaruddin mengingatkan demikian ketika beramah-mesra dengan serombongan 25 orang ahli 'prefect' Sekolah Menengah Awang Semaun yang mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Penerangan di sini pada 26 Oktober, lepas.

Terdahulu sebelum itu rombongan pelawat itu telah diberikan taklimat mengenai struktur pentadbiran dan operasi jabatan tersebut yang disampaikan oleh Awang Sarkawi bin Haji Mohammad Salleh, Pegawai Luar.

Lawatan pada petang itu diakhiri dengan sesi perbincangan dengan Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Pengiran Badaruddin dan pegawai-pegawai kanan jabatan tersebut.



PENGIRAN Badaruddin bin Pengiran Ghani, Pengarah Penyiaran dan Penerangan ketika beramah mesra dengan serombongan penuntut 'prefect' Sekolah Menengah Awang Semaun yang mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Penerangan baru-baru ini. — Gambar oleh Harun Rashid.

Bidang muzik dapat harumkan nama bangsa dan negara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, Pengarah Penyiaran dan Penerangan berkeyakinan bahawa sumbangan generasi muda di bidang muzik dan seni suara akan dapat mengharumkan nama bangsa dan Negara Brunei Darussalam.

Melahirkan keyakinan demikian dalam buku cenderamata Pertandingan Juara Kugiran 1987, Pengiran Badaruddin berharap melalui pertandingan seumpama itu ianya akan dapat menyalurkan secara sihat bakat dan kebolehan generasi muda menerusi muzik dan seni suara.

Di samping itu, menurut Pengarah Penyiaran dan Penerangan lagi, pertandingan itu dihasratkan untuk menampilkan mereka ke arah mencapai taraf persembahan yang menarik dan berkesan.

Kugiran 'Masterpiece' menyandang juara kugiran tahun ini dengan menggondol hadiah \$3,500 dan sebuah

piala rebutan beserta piala iringan.

Pertandingan akhir yang disiarkan secara langsung melalui Radio dan Televisyen Brunei pada malam Selasa minggu lepas telah diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di sini.

Naib juara ialah kugiran 'Blazing Steel' dari Daerah Belait yang baru sahaja enam bulan ditubuhkan. Mereka menerima hadiah \$2,500 beserta sebuah piala iringan.

'The Mixture', kugiran yang dianggotai oleh seramai tujuh orang pemain muzik termasuk seorang penyanyi hanya berjaya menduduki tempat ketiga dengan menerima \$1,500 juga sebuah piala iringan.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh tetamu kehormat Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di akhir pertandingan.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Serasa	28.10.1987	Rabu	9.45-10.15 pagi
Sekolah Rendah Mentiri	28.10.1987	Rabu	10.30-11.00 "
Sekolah Rendah Sultan Abd Bubin Sg Besar	28.10.1987	Rabu	11.15-11.45 "
Sekolah Rendah Pulau	28.10.1987	Rabu	9.30-10.30 "
Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang	29.10.1987	Khamis	10.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Rampayuh dan Labi	29.10.1987	Khamis	10.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Haji Md Yusof Katimahar	31.10.1987	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	31.10.1987	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Mulaud	31.10.1987	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Birau	31.10.1987	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Rendah Kiudang	31.10.1987	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Rendah Lamunin	31.10.1987	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Rendah Haji Md Salleh Sungai Hanching	2.11.1987	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Sekolah Rendah Kiarong	2.11.1987	Isnin	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah)	3.11.1987	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Rendah Anggerek Desa Berakas	3.11.1987	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Ugama Haji Md Jaafar Kg Kiulap	3.11.1987	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata Gadong	3.11.1987	Selasa	3.30- 4.30 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring	3.11.1987	Selasa	4.30- 5.00 "

BERIKUT di bawah ini adalah senarai harga-harga Kereta VOLVO yang dijual dari Syarikat United Motors Sdn. Bhd. yang telah diluluskan oleh Pengawal Harga baru-baru ini seperti berikut:—

JENIS KERETA (Type of Cars)	HARGA JUALAN (Showroom Selling Price)	HARGA JUALAN PENUH (Selling Price On The Road)
VOLVO Model: 740 GLE (2316 c.c.) Aircondition, Power Steering, Power Windows, Power Mirrors, Central Locking, Tinted Glass, Head Restraint, Reading Lamps, Adjustable Seat Height (Driving Seat), Front Spoiler, etc.	\$46,900.00	\$50,157.00
VOLVO Model: 740 GLE STATION WAGON (2316 c.c.) Airconditioning, Power Sunroof, Power Steering, Power Windows, Power Mirrors, Central Locking, Tinted Glass, Head Rest, Reading Lamps, Power Seat Height (Driving Seat), etc.	\$48,500.00	\$51,822.00
VOLVO Model: 760 GLE Turbo (2316 c.c.) Airconditioning, Power Sunroof, Power Steering, Power Windows, Power Mirrors, Central Locking, Tinted Glass, Head Rest, Reading Lamps, Power Seat Height (Driving Seat), etc.	\$59,600.00	\$63,279.00

Orang ramai bolehlah menghubungi Pengawal Harga atau pegawai yang berkenaan Nomor Telefon 25555 atau 41910, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam, jika sekiranya harga-harga yang mereka jual itu berlainan dari harga-harga yang telah ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan di atas.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penubuhan Pusat Sejarah adalah bertujuan untuk membuat penyelidikan dan menyusun Susurgalur Keluarga Diraja dan Sejarah-sejarah Sultan Brunei untuk pengetahuan rakyat dan penduduk Brunei Darussalam.

Di samping itu ianya juga bertujuan untuk menyelidik dan menyusun riwayat hidup pembesar-pembesar negara dan orang-orang ternama yang perwira, mengumpul bahan-bahan sejarah untuk pengkajian, rujukan dan dibukukan serta memperkenalkan kemasyhuran Brunei dalam sejarah kepada umum sama ada dalam mahupun luar negeri.

Demikian dinyatakan oleh Awang Haji Abd. Latif bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua ketika memberikan taklimat berkenaan penubuhan Pusat Sejarah kepada serombongan 35 orang penuntut Kelab Sejarah, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah yang mengadakan lawatan sambil belajar ke Pusat Sejarah di sini pada 19 Oktober lepas.

Menurut beliau lagi, sebanyak tiga buah buku setakat ini masih dalam proses percetakan iaitu Penyair Diraja yang memuatkan ulasan mengenai syair-syair Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin, Tersilah Brunei iaitu sejarah daripada awal hingga 1959 dan Arkitek Brunei Moden yang memuatkan biografi Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin.

"Di samping itu Pusat Sejarah juga sedang mendalihkan dua buah penerbitan iaitu 'Jurnal Darussalam' dan majalah 'Pusaka' yang memberikan pandangan khusus mengenai kegiatan penyelidikan yang dibuat oleh pusat ini seperti dalam

Memperkenalkan kemasyhuran Brunei dalam sejarah

penyelidikan batu-batu nisan," ujar beliau.

Sebelum dibawa melawat ke bahagian-bahagian pusat tersebut untuk meninjau secara dekat mengenai tugas dan kerja yang dikendalikan oleh tiap-tiap bahagian itu, para pelawat itu terlebih dahulu mendengarkan penerangan ringkas ber-

hubung dengan sejarah Brunei oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah.

Rombongan tersebut diketuai oleh Awang Masri bin Haji Zainal, guru pengawas, kelab tersebut.



PENUNTUT-penuntut dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah sedang tekun mendengarkan penerangan dari salah seorang pegawai Pusat Sejarah mengenai Salasilah Kesultanan Brunei dan hubungannya di Alam Melayu. — Gambar ihsan Pusat Sejarah.

KAMPONG Sinaut, 32 kilometer dari Bandar Seri Begawan merupakan salah sebuah kampung yang terkenal kerana di sinilah letaknya Pusat Latihan Pertanian Sinaut yang dihasratkan melatih belia-belia di bidang kemahiran pertanian.

Nama Kampung Sinaut kini menjadi lebih popular lagi dengan adanya satu perusahaan tempatan yang dikenali dengan perusahaan kayumanis tempatan. Di kalangan orang Brunei nama "kayumanis" memang tidak popular, tetapi apabila disebut "kayumanah" semua orang akan tahu, bahawa kayumanah itu salah satu bahan perasa masakan.

Tetapi tidak banyak yang tahu bahawa kayumanis atau kayumanah yang dijual di beberapa buah kedai terutama kedai-kedai menjual rempah-rempah adalah kayumanis tempatan. Secara berperingkat, setelah ianya diperkenalkan di beberapa ekspo pertanian, perusahaan kayumanis semakin mendapat perhatian di kalangan orang ramai dan beberapa buah perusahaan tempatan untuk dijual.

Tempat menanam pokok kayumanis ini terletak di kawasan perhutanan Kampung Sinaut yang mempunyai keluasan 200 ekar. Kawasan penanaman pokok kayumanis ini bukanlah suatu kawasan yang senang kita lalui apabila kita menggunakan sebarang kenderaan. Kita terpaksa menyusur jalan yang berombak-ombak, kerana jalannya belum lagi ditar. Kalau musim hujan, kereta tidak dapat melalui kawasan itu. Bagi para pekerja di ladang pokok kayumanis itu terpaksa berjalan kaki hampir 1.8 kilometer dalam keadaan yang berlumpur.

Tetapi pemandangan ladang pokok kayumanis amat jelas. Diliputi dengan pokok-pokoknya yang

PERUSAHAAN 'KAYUMANAH'

Bantu pesatkan pertanian negara



DUA orang pekerja sedang memilih kayumanis untuk dimasukkan dalam guni (atas). Sementara gambar bawah pula memperlihatkan kayumanis yang sudah kering dimasukkan ke dalam guni untuk diedarkan kepada syarikat-syarikat tempatan.



subur menghijau dan amat saujana mata memandangi.

Penanaman kayumanis itu bermula pada tahun 1983. Pada mulanya kerja-kerja penyelidikan pokok kayumanis itu dibuat pada

tahun 1976. Benih kayumanis yang ditanam berasal dari Sri Lanka. Penanaman ini dibuat berikutan dari hasil tinjauan dan penyelidikan seorang anak tempatan, Awang Abdul Wahid bin

Oleh Dk. Fatimah PHMN

Gambar oleh Pg. Bahar PHO

Haji Lahab di Sri Lanka tentang bagaimana penanaman pokok kayumanis ini dilakukan di sana.

Sebelum percubaan menanamnya dibuat, kerja-kerja meratakan kawasan itu dimulakan pada tahun 1976 disewa dari kerajaan. Percubaan bagi penanaman itu pula dibuat pada tahun 1982. Hasilnya berjaya. Pada tahun berikutnya penanaman pokok-pokok kayumanis pun diteruskan hingga kini. Buktinya kayumanis kini menjadi pasaran para pengusaha tempatan apabila kayumanis diedarkan di beberapa buah syarikat tempatan dan seterusnya dijual di kedai-kedai menjual rempah dan orang perseorangan.

Menurut salah seorang pekerja di perusahaan kayumanis tempatan itu harga setiap kayumanis ialah dari \$1.00 hingga \$6.00 untuk satu kilo. Ini bermakna kalau 15 kilo iaitu satu guni berharga \$90.00 sahaja. Setakat ini kayumanis berjaya dijual atau dipasarkan sebanyak 277 kilo, sejak ianya dihasilkan pada bulan Ogos lalu. Katanya lagi, setiap batang pokok kayumanis menghasilkan hampir sekilo beratnya.

Biji kayumanis yang sudah dimasak kemudian dibersihkan selepas itu kita gunakan tanah biasa bagi penyediaan benih dan dimasukkan dalam plastik untuk dicambah. Kecambah itu diambil setelah berumur satu tahun barulah ianya ditanam. Apabila berusia lima tahun barulah ianya boleh ditebang dan kulitnya dibersihkan. Batang kayumanis yang sudah dipotong dimasukkan dalam mesin. Kulit kayumanis yang sudah dipotong sepanjang dua inchi dikeringkan selama 2 hari barulah dimasukkan ke dalam guni atau plastik untuk dijual dan diedarkan kepada syarikat-syarikat tempatan dan dijual kepada orang ramai.

Sejauh ini, menurut setiausaha perusahaan itu, Awang Haji Sharif bin Ismail, bilangan pekerja di perusahaan itu kira-kira 18 orang. Dan perusahaan tempatan tersebut membelanjakan kira-kira



BATANG kayu yang sudah dipotong diproses dengan menggunakan mesin untuk memisahkan kulit dari batang.

\$15,000 sebulan yang melibatkan gaji pekerja dan kemudahan bagi perusahaan itu.

Katanya, orang ramai yang ingin mendapatkan kayumanis tempatan bolehlah berhubung dengan perusahaan tempatan bagi kayumanis di Sinaut dan di kedai-kedai di keempat-empat daerah yang ditulis dengan nama perusahaan itu.

Dengan adanya perusahaan kayumanis tem-

patan ini, setentunya akan menambahkan lagi anak tempatan yang berkemahiran dalam bidang pertanian di samping menambahkan penanaman jenis-jenis rempah seperti yang ada sekarang iaitu tanaman lada sulah dan rempah di negara ini. Dengan adanya hasil perusahaan kayumanis tempatan ini juga diharapkan akan menjadi contoh teladan kepada anak tempatan supaya berdikari dalam usahaniaga pertanian.



POKOK kayumanis yang berusia 5 tahun ditebang untuk diproses (atas). Sementara gambar bawah kelihatan batang kayumanis yang akan diproses, dibersihkan kulit dengan menggunakan pisau. Kerja-kerja ini dilakukan oleh dua orang kaum wanita.



PEMANDANGAN ladang kayumanis.

Tamat latihan

PENANJONG. — Seramai 92 orang rekrut pengambilan ke-72 R Kompeni Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah menamatkan latihan mereka di upacara perbarisan tamat latihan di Penanjong Garison di sini, pada pagi Jumaat lepas.

Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya telah menerima tabik kehormatan dan memeriksa perbarisan.

Pemenang hadiah Pengambilan ke-72 R Kompeni itu terdiri dari Rekrut Terbaik Keseluruhan, 8737 Rek. Bidin bin Yusof, Penembak M16 Terbaik, 8745 Rek. Aris Amir bin Juna, Penembak HBAR Terbaik 8759, Rek. Mohammad Adi bin Abd. Hamid, Latihan Jasmani Terbaik, 8757 Rek. Kefli bin Mijar dan Jurulatih Terbaik, 5963 Kpi Kamis bin Haji Hidup.

Rekrut-rekrut berkenaan adalah rekrut pengambilan ketiga yang berjaya menamatkan latihan di Penanjong Garison setelah menjalani latihan 25 minggu

PENANJONG. — Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya berkata, kerjaya dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei selain memberi kesempatan untuk mencurahkan bakti bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan negara juga mampu memberi peluang yang luas untuk mencapai kecemerlangan dan kejayaan kepada mereka yang sanggup dan bersedia berusaha mencapai kecemerlangan dan kejayaan yang dihasratkan.

Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya menyatakan hal itu ketika berucap selaku Pegawai Menerima Tabik Kehormatan Perbarisan Tamat Latihan Pengambilan Rekrut ke-72 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Penanjong Garison di sini pada pagi Jumaat lepas.

"Saya berdoa semoga setiap mereka yang berjaya dalam ujian asas ini akan menggunakan kejayaan ini sebagai daya pendorong kepada usaha-usaha yang berikutnya dalam bidang ketenteraan yang diikuti seterusnya," ujar Dato Paduka Awang Sidek kepada 92 orang rekrut yang menamatkan latihan pagi itu.

CURAHKAN BAKTI BAGI KESELAMATAN NEGARA

Oleh Abd. Karim HAB

Di upacara itu Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan) Kementerian Pertahanan itu juga telah sudi memeriksa perbarisan dan menyampaikan hadiah-hadiah kepada rekrut-rekrut dan jurulatih yang terpilih dalam bidang-bidang tertentu.

Sementara itu sebaik selesai upacara tamat latihan, Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud telah menyampaikan pangkat kepada Rekrut 822 Saiful Akhmar bin Mohammad Sharif yang dinaikkan pangkat kepada Pegawai Kadet di Mess Pegawai Penanjong Garison.



DATO Paduka Awang Sidek, Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan) Kementerian Pertahanan ketika menyampaikan pewart kepada 8737 Rekrut Bidin bin Yusof, Rekrut Terbaik Keseluruhan. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah bernilai pada 21 Oktober, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN — 2085

1. Kacang Tanah 1 kilogram \$1.65/1 kati \$1.00.
 - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
2. Garam (Cap Buaya) \$1.00 6 bungkus.
 - a) Kedai Chop Ken Ken B2 Jalan Robert.
 - b) Kedai Liong Chuan Jalan McArthur.
3. Tepung Beras (Flyingman) sebungkus 60 sen.
 - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.

TUTONG — 5082.

1. Kacang Tanah 1 kilogram 2.00/1 kati \$1.20.
 - a) Chop Yee Seng No. 9 Jalan Enche Awang.
2. Garam (Cap Buaya) \$1.00 6 bungkus.
 - a) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.
3. Tepung Beras (Flyingman) sebungkus 60 sen.
 - a) Lim Kian Seng No. 3, Jalan Enche Awang.

SERIA — 7087

1. Kacang Tanah 1 kilogram \$2.15/1 kati \$1.30.
 - a) Kedai Soon Kheng No. 52, Jalan Bunga Kuning.
2. Garam (Cap Buaya) \$1.00 6 bungkus.
 - a) Kedai Sim Fatt Hin No. 74, Jalan Bunga Kenanga.
3. Tepung Beras (Flyingman) sebungkus 70 sen.
 - a) Chop Koh Seng Heng No. 17 Jalan Sultan Omarali.

KUALA BELAIT — 6083

1. Kacang Tanah 1 kilogram 2.00/1 kati \$1.20.
 - a) Kedai Chop Haw Min Chinese Chamber of Commerce.
2. Garam (Cap Buaya) \$1.00 5 bungkus.
 - a) Kedai Chop Yee Seng No. 46, Jalan Pretty.
3. Tepung Beras (Flyingman) sebungkus 60 sen.
 - a) Kedai Guan Heng No. 30, Jalan Sungai.



SETIAUSAHA Tetap (Kewangan dan Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Sidek ketika memeriksa perbarisan. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Kerajaan perkenal Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan

(Dari muka 2)

Menyentuh sedikit tentang soal latihan ini, mengikut fahaman saya ialah tentang kurangnya pembantu jurulatih yang dialami pada ketika ini. Walau bagaimanapun insya Allah masalah ini sekarang adalah sedang dalam perhatian yang serius. Langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang sedang diatur termasuklah juga skim yang khusus untuk ini. Mengenai dengan usaha-usaha dalam bidang kejurulatihan ini, saya difahamkan bahawa beberapa latihan, bengkel dan seminar telah diadakan sama ada di dalam dan luar negeri yang mana sudah ramai anak-anak kita di negara ini mendapat manfaat daripadanya. Kepada mereka ini saya meminta supaya tampil ke hadapan untuk memperkembangkan pengetahuan.

pengetahuan yang mereka sudah perolehi bagi memberikan tenaga yang dimaksudkan supaya pengetahuan-pengetahuan itu tidak sia-sia dibuang begitu sahaja. Dan kepada pembantu-pembantu jurulatih yang sedia ada terutamanya mereka yang diaturnya sebagai pelapis kepada juru-jurulatih 'profesional' dari luar negeri, timbalah sebanyak pengetahuan yang dapat daripada mereka yang bertaraf 'profesional' itu untuk kebaikan semata-mata juga.

Dalam usaha-usaha meningkatkan prestasi, menarik minat seluruh lapisan rakyat untuk bergiat aktif dalam sukan serta untuk mencapai tahap 'sports excellence', sukacita saya mengumumkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah

memperkenalkan satu skim yang bergelak 'Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan' untuk diperkenalkan.

Skim ini secara umum adalah dihasratkan untuk memperbaiki lagi keadaan ahli-ahli sukan di negara ini yang mahu melibatkan diri secara aktif dan serius dalam bidang sukan. Butir-butir lanjut mengenai skim ini akan disebarluaskan secara menyeluruh tidak berapa lama lagi.

Walaupun bagaimanapun menyentuh sedikit tentang keistimewaan skim tersebut ialah ia ada memperuntukkan ganjaran hadiah yang tunai kepada ahli-ahli sukan yang berjaya dalam pertandingan-pertandingan serantau dan antarabangsa seperti Olympic Games, Commonwealth Games, Asian Games, South East Asian Games dan Islamic Solidarity Games. Khusus pada malam ini saya sukacita memaklumkan bahawa gan-

jaran hadiah bagi pemenang-pemenang dalam SEA GAMES adalah seperti berikut:—

Pemenang Pingat Emas — B\$5000/= Perseorangan atau sepasukan.

Pemenang Pingat Perak — B\$3000/= Perseorangan atau sepasukan.

Pemenang Pingat Gangsa — B\$2000/= Perseorangan atau sepasukan.

Peserta-peserta Negara Brunei Darussalam yang menyertai sukan SEA di Jakarta baru-baru ini akan menerima hadiah-hadiah tersebut. Saya mengucapkan tahniah kepada abis kita yang berkenaan.

Ini adalah salah satu lagi manifestasi terhadap perhatian berat yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan mutu sukan di negara ini. Dan dari itu sekali lagi saya menyeru supaya sesiapa juga yang berminat dalam bidang sukan akan tampil ke hadapan demi untuk kecemerlangan sukan di negara ini.

Akhirnya sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas kesudian abis kita hadir pada malam ini dan tahniah kepada seluruh kontinjen Negara Brunei Darussalam atas kejayaan mereka, khususnya kepada mereka yang meraih kemenangan. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri dalam persediaan-persediaan latihan SEA GAMES ini dari peringkat awal hinggalah kepada pengaturan majlis kita pada malam ini. Penghargaan yang sama juga

saya tujukan khusus kepada pihak-pihak tertentu seperti Syarikat Penerbangan Diraja Brunei yang telah membuat "Special Arrangement" bagi membawa pergi dan balik kontinjen kita untuk menyertai SEA GAMES di Jakarta, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Syarikat Minyak Shell Brunei, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Polis, jabatan-jabatan yang berkenaan yang juga telah memberikan latihan-latihan serta yang penuh ikhlas, dan moral support yang diberikan oleh juru-jurulatih, pegawai-pegawai yang turut serta dalam SEA GAMES, Jakarta baru-baru ini dan juga kepada penaja-penaja Sukan SEA ini yang menaja perkara-perkara tertentu bagi kontinjen negara ini. Saya berdoa semoga usaha dan jasa baik yang ditaburkan itu akan diterima Allah sebagai satu amalan yang berkebaikan juga.

rtb Intisari minggu ini



Sudut Remaja

SEORANG teruna remaja dari Seria akan bersama awda dalam Sudut Remaja minggu ini, namanya Sainul Akbar Mohd. Shariff.

Sainul meminati lagu-

lagu 'rock' dan masih menuntut dalam Tingkat Enam Bawah.

Ikutilah persembahannya pada hari Isnin 2 November, 1987, jam 4.00 petang.

Sandiwar Radio:

PELAJAR UP TO DATE

NTUK keluaran sandiwar radio minggu ini, Radio Brunei akan mempersembahkan sebuah lagi sandiwar radio yang berjudul "PELAJAR UP TO DATE" ..., tulisan A. Mohammad Hj. Timbang, Negara Brunei Darussalam.

Cikgu Asri adalah seorang guru muda yang ditugaskan untuk mengajar di sebuah kelas yang anak muridnya diberi peluang untuk mengulang bagi tahun yang kedua untuk mengambil peperiksaan. Dengan sendirinya kelas seumpama itu adalah sukar untuk dikawal, memandangkan mereka sudah tidak berminat lagi untuk mengikuti pelajaran.

Di sinilah peranan Cikgu Asri diperlukan. Orang yang mula-mula sekali mengubah prinsipnya ialah Sari. Ia mula menyedari yang kegagalannya itu berpunca dari kelalaiannya sendiri. Perubahannya itu pula menimbulkan prasangka di kalangan teman-temannya, yang menyangka Sari menaruh perasaan terhadap Cikgu Asri.

Aini dan Amir adalah dua orang pelajar di kelas mengulang itu yang masih belum mahu mengubah sikapnya. Aini tidak pernah mengindahkan segala kerja rumah yang diberikan oleh gurunya. Ia lebih suka membuatnya dengan cara meniru buku temannya yang lain. Amir pula suka menyerahkan nasibnya bulat-bulat kepada takdir.

Di sebalik prinsipnya tidak mengindahkan segala kerja rumah itu, Aini ada menyimpan niat yang lain. Ia sebenarnya ingin menarik perhatian Cikgu Asri agar mengambil berat terhadapnya. Setelah perkara itu dinyatakan sendiri kepada Cikgu Asri, mereka pun menjadi semakin rapat dan akhirnya Cikgu Asri berjaya mengubah sikap Aini.

Bagaimanakah kisah selanjutnya? Sandiwar ini akan dapat diikuti siarannya nanti pada 1 November, 1987, jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk. Maskupah Pg. Tajuddin.

Radio Minggu Ini:

RADIO BRUNEI BERSAMA SAMBUTAN MAULUD NABI

ADA setiap 12 Rabiulawal mengikut kiraan takwim Islam, seperti kelazimannya seluruh umat Islam di merata dunia akan memperingati hari keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Sambutan Maulud Nabi seperti ini sebenarnya adalah sebagai tanda kasih dan sayang kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan juga jasa Baginda sendiri di dalam menyebarkan dan memperjuangkan segala ajaran Islam yang maha suci bagi kesejahteraan umat manusia.

Bersempena memperingati bulan keputeraan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Negara Brunei Darussalam akan menghidupkan lagi bulan bersejarah tersebut, dengan menyiarkan acara-acara majlis sambutan memperingati Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di merata-rata daerah di negara ini.

Seperti yang kita maklumi bersama bahawa bahagian Radio Brunei sejak beberapa tahun dulu telah memperuntukkan masa siarannya bagi menyiarkan majlis yang berkebakikan ini. Demikian juga pada tahun ini majlis yang sama tetap di sambut dan dirayakan dengan penuh kesedaran dan juga pengertian yang mendalam. Di samping

itu secara tidak langsung siaran rancangan ini juga dapat menerapkan lagi kepentingan - kepentingan beragama. Kerana manusia yang dirayakan secara besar-besaran ini adalah penghulu segala Rasul Allah dan juga kekasih Allah Subhanahu Wataala.

Dalam hal keagamaan, Radio Brunei sememangnya merupakan media penyiaran yang seringkali mengetengahkan segala ajaran Rasulullah. Di antara peninggalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang seringkali dikumandangkan oleh Radio Brunei di ceruk rantau negara ini ialah ayat-ayat suci Al-Quran dan hadisnya. Kedua-dua pusaka inilah menjadi petunjuk dan teladan dalam kehidupan umat Islam dan juga pemerintahan negara ini.

Sememangnya, Radio Brunei tidaklah dapat diperkecil-kecilkan peranannya di dalam menerapkan nilai-nilai keagamaan kepada masyarakat pendengarnya. Berhubung dengan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang akan diadakan secara serentak di seluruh negara pada 4 November, 1987 ini sahaja misalnya, Radio Brunei telah pun bersedia-sedia untuk menyediakan perkara-perkara yang perlu di dalam memberikan liputan-liputannya yang terperinci kepada masyarakat pendengarnya nanti.

Di antara tempat-tempat sambutan majlis Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang akan diberikan laporan oleh pihak Radio Brunei nanti adalah seperti berikut :—

Di ibu negara, tempat acara sambutannya adalah di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin. Manakala di Daerah Tutong, tempatnya adalah di Padang kawasan Dewan Kemasyarakatan Pekan Tutong. Di Daerah Belait pula tempatnya adalah di Padang KBRC, Kuala Belait. Sementara di Daerah Temburong pula tempatnya adalah di kawasan lapang dekat dengan Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, Temburong.

Acara sambutan majlis tersebut akan diadakan secara terus-menerus dari tempat-tempat yang dinyatakan tadi. Yang mana siaran liputan dari Omar Ali Saifuddin akan bermula pada jam 7.15 pagi dan selepas itu barulah diikuti oleh laporan-laporan dari daerah-daerah yang lain secara bergilir-gilir.

Sesungguhnya, sambutan memperingati hari keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mempunyai pengertian

yang mendalam dalam diri kita sendiri sebagai umat Islam. Istimewa lagi bila mengingat yang Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri mengaku dengan terus-terang bahawa tujuan utama dan tugas Baginda yang terpenting sekali diutus ke dunia ini adalah untuk memperbaiki dan menyempurnakan budi-pekerti umat manusia tanpa mengira siapa dan di manapun mereka berada, iaitu sebagaimana yang ternyata dalam salah sebuah sabda Baginda :

"Sesungguhnya aku dibangkitkan ialah untuk menyempurnakan budi-pekerti yang mulia."

Sesuai dengan fungsi dan kepentingan media radio hari ini sebagai saluran memberikan berbagai-bagai maklumat yang berfaedah untuk didengar, radio juga dianggap sebagai alat untuk berdakwah. Di dalam persoalan ini Radio Brunei sememangnya banyak memainkan peranannya terutama sekali di dalam berbagai-bagai rancangan keagamaan. Di samping itu Radio Brunei juga tidak putus-putus memberikan berbagai-bagai laporan yang ada hubungannya dengan majlis-majlis keagamaan di seluruh negara.

Mari Memasak:

SALAD MARTINI

BAHAN-BAHANNYA:


4 biji buah epal
300 gram celery
200 gram buah anggur
100 gram pimentos
1 tin nenas
20 gram buah badam
Garam secukupnya
Daun parsely untuk hiasan.

CARA MEMBUATNYA:

Mula-mula buah epal dikupas kulitnya. Kemudian dipotong-potong me-

manjang. Buah nenas, buah anggur dan buah badam juga dipotong-potong. Kemudian campur semua bahan-bahan tersebut. Kemudian masukkan pimentos dan garam secukupnya. Setelah bahan-bahan tersebut digaul rata, masukkan maionis ke dalam bahan tersebut. Gaul hingga rata.

Untuk hiasan bolehlah menggunakan daun parsely dan daun celery.



Tayangan Gambar

DARI kiri ke kanan : Anthony Herrera memegang peranan selaku Mandrake dan Ji-Tu selaku Lothar dalam satu adegan tayangan gambar berjudul "Mandrake The Magician" yang akan dapat awda saksikan pada hari Ahad kira-kira jam 1.50 petang.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

RABU 28 Okt.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 FLINTSTONE KIDS
- 5.00 WIND IN THE WILLOWS: "Unlikely Allies"
- 5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Future Comes But Once"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 MY SISTER SAM:
- 6.03 AZAN MAGHRIB
- 6.08 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.18 MY SISTER SAM — sambungan
- 6.30 ANIMAL IN ACTION: "Animal Oddities"
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 SMALL WONDER: "The Personality Kid"
- 7.55 L.A. LAW: "Becker On The Rox"
- 8.45 FILLER
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 SUDUT PELITA
- 9.30 LIPUTAN NASIONAL
- 10.00 MUSICAL: "Top Of The Pops"
- 10.50 THE COLBY: "Manhunt"
- Monica dan Cash mencari anak mereka yang melarikan diri; Sable mencungkil maklumat yang boleh mero-sakkan nama baik Adrienne; dan Bliss memperhitungkan saingannya.
- 11.50 SIARAN TAMAT

JUMAAT 30 Okt.

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.14 BIMBINGAN ISLAM — ulangan
- 12.25 HIDAYAT — ulangan
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.50 HIDAYAT — sambungan

PETANG

- 1.00 SEARCH FOR ADVENTURE: "Birdman Of Killimanjaro"
- 1.50 CARTOON
- 2.15 ABC WIDE WORLD OF SPORTS
- 3.05 MASK
- 3.25 AZAN ASAR
- 3.30 AL-KISAH: "Kisah Dua Beradik"
- 3.45 MAGIC CORNER
- 4.10 ADVENTURER: "A Legacy"
- Dalam Kabin Kapten, Jack menemui sebuah peti yang berisi mutiara dan sebuah peta yang menunjukkan ada banyak lagi mutiara yang dikubur di dalam rumah De Witt di sebuah pulau. Tukang masak De Witt memberitahu pulau itu tidak berpenghuni tetapi bila tiba ke sana mereka dapati Anderson dan orang-orangnya telah mendirikan kubu di tempat tersebut.
- 5.10 GRUMBLEWEEDS RADIO SHOW
- 5.35 THREE UP TWO DOWN
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THREE UP TWO DOWN — sambungan
- 6.03 AZAN MAGHRIB
- 6.08 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.18 THREE UP TWO DOWN — sambungan
- 6.30 THE MAKING OF... "Missing In Action II (The Beginning)"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.30 REKASENI: "Gubahan Dari Coklat"
- 7.55 MACGYVER: "Soft Touch"
- MacGyver mendedahkan sebuah plot pembunuhan terhadap seorang pemberi maklumat yang mengancam akan mendedahkan sebuah rangkaian pengedaran dadah.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 FORUM: "Ciri-ciri Kebudayaan Dan Kehidupan Orang-orang Melayu Dalam Kehidupan Bermasyarakat"
- 10.20 FALCON CREST: "Hot Spots"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

SABTU 31 Okt.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 WILDLIFE ON ONE: "The Town Fox — Villain Or Victim"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 ALF: "Weird Science"
- 6.03 AZAN MAGHRIB

6.08 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA

- 6.18 ALF — sambungan
- 6.30 MY LITTLE PONY AND FRIENDS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 THREE'S COMPANY: "The Heiress"
- 8.00 HOT SHOTS: "Ahh In The Game"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 DARI STUDIO SATU
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Karikil Karikil Tajam"
- 11.55 EMMY AWARDS 1987
- 1.05 SIARAN TAMAT.

AHAD 1 Nov.

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.06 AZAN ZUHUR
- 12.09 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 MUSICAL: "The Cars — Live"

PETANG

- 1.00 BIG LEAGUE SOCCER 1987/1988
- 1.50 TAYANGAN GAMBAR: "Mandrake The Magician"
- 3.25 AZAN ASAR
- 3.30 THE ADVENTURES OF TEDDY RUXPIN: "Take A Good Look"
- 4.00 SILVERHAWKS: "The Bounty"
- 4.25 DRAMA (SBC): "Kemelut Cita-Cita"
- 5.05 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL — sambungan
- 5.55 CENTURIONS: "Traitors There"
- 6.03 AZAN MAGHRIB
- 6.08 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.18 CENTURIONS — sambungan
- 6.30 ONE BIG FAMILY: "The New House"
- Kerana bosan mendengar sungutan dari adik-adiknya tentang keadaan rumah mereka yang teruk, Don memutuskan untuk berpindah. Tetapi apabila tiba masa untuk berkemas dan pemilik baru pindah ke rumah mereka, keluarga Hatton berubah fikiran.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.30 WHAT A COUNTRY: "A Birthday With A Class"
- 7.45 MATLOCK: "The Court Martial" Bkg. I
- Sebagai peguam awam, Matlock terpaksa menghadapi kebencian dari pihak tentera apabila ia membela soldadu Chris Hughes yang mudah naik angin yang difitnah membunuh seorang letenan yang kejam.
- 8.35 FILLER
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 SUDUT ASIA
- 9.55 HIBURAN MINGGU INI
- 10.15 LONG HOT SUMMER
- 11.35 CALL ME MISTER: "Carve Up" (Episod akhir)
- 12.35 SIARAN TAMAT.

ISNIN 2 Nov.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 THE ALPHABET GAMES: "The Letters — N & SN"
- 4.45 BITS AND PIECES: "Farms"
- 4.55 SNORKEL
- 5.20 THE WORLD ABOUT US: "A Fish Called Smith Is Alive And Well And Living In Persia"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE WORLD ABOUT US — sambungan
- 6.02 AZAN MAGHRIB
- 6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.17 THE WORLD ABOUT US — sambungan
- 6.30 THE EDISON TWIN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.30 WHO'S THE BOSS? "Hit The Road Chad"
- 7.45 O'HARA: "Will"
- Ohara berjaya memenangi hati seorang anak muda dari keluarga hartawan yang rosak akhlak sebagai usaha untuk memerangkap seorang penyeludup senjata haram.
- 8.35 FILLER
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 SUPERSTARS OF WRESTLING
- 10.50 TAYANGAN GAMBAR: "Assassin"
- 12.30 SIARAN TAMAT.

SELASA 3 Nov.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SEABERT (Siri baru)
- 4.40 SQUARE ONE
- 5.10 JEM
- 5.35 O-LA-LA
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 O-LA-LA — sambungan
- 6.02 AZAN MAGHRIB
- 6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.17 O-LA-LA — sambungan
- 6.30 ZERO ONE MAGAZINE
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.30 MARI MEMASAK: "Salad Martini"
- (Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini).
- 7.55 AIRWOLF: "Salvage"
- Sebuah rencana rahsia untuk menjual sebuah helikopter penyerang yang hilang dapat dihidu oleh pasukan Airwolf apabila mereka cuba menolong seorang agen yang sedang bercuti rehat setelah seminggu dalam tahanan yang mengerikan.
- 8.45 FILLER
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 BELIA
- 9.45 ARENA SUKAN
- 10.45 KANE AND ABEL
- 11.45 SIARAN TAMAT.

KHAMIS 29 Okt.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 HEATHCLIFF
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 HEATHCLIFF — sambungan
- 6.05 ECONOMIC TODAY
- 6.03 AZAN MAGHRIB
- 6.08 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.18 ECONOMIC TODAY — sambungan
- 6.30 SUPERGRAN
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.30 WEBSTER: "Kathrine The Brave"
- Kathrine mengambillah tanggungjawab sebagai ketua pasukan dalam kumpulan Junior Ranger yang Webster ceburi. Meskipun merupakan pakar dalam semua perkara, moral mereka menurun apabila Pasukan Ranger yang lain memperli mereka kerana mempunyai ketua perempuan.
- 8.00 MIAMI VICE: "French Twist" (Episod akhir)
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 HIDAYAT
- 9.55 DUNIA MINGGU INI
- 10.25 MAGNUM: "Novel Connection"
- 11.15 TAYANGAN GAMBAR: "Thursday's Child"
- Kehidupan tiba-tiba menjadi muram bagi Sam Alden yang berusia 17 tahun. Anak muda yang selamanya lincah ini mendatangkan kebimbangan kepada keluarganya apabila mula menunjukkan wajah yang murung dan batuk yang tidak berhenti. Ujian kemudian menunjukkan ia mengidap penyakit jantung dan untuk terus hidup terpaksa menjalani pembedahan jantung.
- 12.50 SIARAN TAMAT.



GAMBAR atas: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-
daulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat turun dari pesawat terbang khas baginda,
dengan diiringi oleh Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri
Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan sejezus ketibaan di Lapangan
Terbang Kanada.



KEBERANGKATAN KEBAWAH DYMM DI SIDANG KEMUNCAN KETUA-KETUA KERAJAAN NEGARA KOMANWEL



GAMBAR kanan:
Yang Maha Mulia
Baginda Sultan
Negara Brunei
berkenan mem-
dana Menteri
Seri Dr. Mahatma
berangkat ke
Mulia Paduka
Digadong
Muda Haji
Kewangan.

GAMBAR kiri:
Maha Mulia
Sultan dan
Brunei Darussalam
ketua keraja-
an Komanwel
upacara per-
tersebut.

GAMBAR kanan:
Maha Mulia
Sultan dan
Brunei Darussalam
menghadap
Tuan Mahatma



GAMBAR kiri: Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat di salah satu mesyuarat yang bermuncak itu.

GAMBAR atas: Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima menghadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Australia, Tuan Bob Hawke.




Gambar-gambar oleh:
Hj Sharbini Taha



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dialu-alukan oleh YAB Perdana Menteri Kanada, Tuan Brian Mulroney dan isteri ketika berangkat di majlis jamuan makan.

GAMBAR bawah: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman dan diucapkan selamat berangkat balik oleh YAB Menteri Perikanan dan Lautan Kanada, Tuan Tom Siddon. Terdahulu dari itu Menteri berkenaan juga telah mengalu-alukan keberangkatan tiba baginda ke persidangan tersebut.





ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PENGAMBILAN WANITA YANG KE-14
BERAKHIR PADA 14 DISEMBER 87**

**IKUTILAH JEJAK LANGKAH KAMI, PERTIWI GAGAH
BERSEMANGAT WAJA**



BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

**NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA
KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK
DI TANGAN AWDA**

SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Dayang-Dayang mestilah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan Tiga Melayu atau yang sebanding dengannya.
3. Berumur 17½ tahun hingga 25 tahun dan masih bujang.
4. Berat badan tidak kurang dari 44.10 kg. tinggi tidak kurang dari 1.45 meter dan berbadan sihat.
5. Dayang-Dayang mestilah lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh ABDB.
6. Dayang-Dayang hendaklah dari salah satu puak seperti berikut: Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.

Mendaftarlah kepada
Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Bolkiah Garison
Negara Brunei Darussalam

Nama :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh Lahir : Umur :

Alamat Sekarang :

Kelulusan Sekolah :

Nama Ayah/Penjaga :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh Lahir : Tempat Lahir :

Alamat Sekarang :

No Telefon Rumah/Pejabat :

Tandatangan : Tarikh :

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI JABATAN PELAJARAN, KEMENTERIAN PELAJARAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikhtisar di Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran, Negara Brunei Darussalam.

INSTITUSI TEKNIKAL

1. PEGAWAI PELAJARAN

(Bilangan Kod : 028 13-111)

Tanggagaji : G. 13 — \$2270-\$4240 sebulan.
Umur : 25-50 tahun.

1.1 BAHASA INGGERIS :

Kelayakan :

- Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Bahasa Inggeris, serta Diploma atau Sijil Pendidikan.
- Pengalaman mengajar tidak kurang dari lima tahun.
- Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai Diploma dalam Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing atau Bahasa Inggeris untuk tujuan-tujuan khas sebagai tambahan kepada kelayakan dan pengalaman yang tersebut di atas.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Mengajar Bahasa Inggeris Teknikal kepada pelatih-pelatih yang menjalani berbagai-bagai kursus dari peringkat pertukangan hinggalah ke peringkat teknisyen, termasuklah kursus-kursus perdagangan dan Majlis Pendidikan Teknisyen (TEC) serta menyediakan bahan-bahan mengajar dan makmal bahasa.

1.2 MATEMATIK

Kelayakan :

- Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Matematik atau kelulusan dan jurusan berkaitan yang sebanding dengannya dari universiti-universiti yang diiktiraf.
- Post Graduate Diploma atau Sijil Pendidikan yang diiktiraf.
- Pengalaman mengajar tidak kurang dari lima tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Mengajar mata pelajaran matematik kepada pelajar-pelajar yang menjalani berbagai-bagai kursus dari peringkat pertukangan hingga teknisyen serta menyediakan bahan-bahan latihan.

1.3 FIZIK/FIZIK GUNAAN

Kelayakan :

- Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Fizik/Fizik Gunaan atau kelulusan dan jurusan berkaitan yang sebanding dengannya dari universiti yang diiktiraf.
- Post Graduate Diploma atau Sijil Pendidikan yang diiktiraf.
- Pengalaman mengajar tidak kurang dari lima tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Mengajar mata pelajaran Fizik kepada penuntut-penuntut yang menjalani berbagai-bagai kursus dari peringkat pertukangan hingga teknisyen serta menyediakan bahan-bahan latihan.

2. PENGAJAR TEKNIK KANAN

(Bilangan Kod : 028 13-281)

Tanggagaji : G. 11 — \$2270-\$3760 sebulan.
Umur : 25-50 tahun.

2.1 KEJURUTERAAN MEKANIK (JENTERA/PENGELUARAN)

Kelayakan :

- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal (Penghususan dalam Jentera/Pengeluaran) atau kelulusan dan jurusan berkaitan yang sebanding dengannya.
- Perjalanan mengajar atau bekerja dalam kejuruteraan jentera berat tidak kurang dari lima tahun.
- Mempunyai kelulusan mengajar merupakan satu kelebihan.
- Menjadi ahli Institusi Jurutera Mekanikal (MIMEch) UK atau sebarang kelulusan profesional yang berkenaan adalah diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Mengajar pelatih-pelatih yang menjalani kursus Pemeliharaan dan Pemasangan dan Mesin Jentera serta mengawasi pelatih-pelatih yang dalam penempatan kerja.

2.2 PENYEJUKAN DAN PENYAMAN UDARA

Kelayakan :

- Diploma atau Sijil Tertinggi dalam bidang penyejukan dan Penyaman Udara atau kelulusan dan jurusan berkaitan yang sebanding dengannya.
- Pengalaman mengajar atau bekerja dalam bidang Penyejukan dan Penyaman Udara tidak kurang dari lima tahun.
- Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang berkaitan adalah diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Mengajar pelatih-pelatih yang menjalani kursus Penyejukan dan Penyaman Udara serta mempunyai pelatih yang dalam penempatan kerja.

2.3 KESETIAUSAHAAN

Kelayakan :

- Diploma atau Sijil Tertinggi dalam bidang kesetiausahaan atau kelulusan dan jurusan ber-

kaitan yang sebanding dengannya.

- Pengalaman mengajar atau kerja-kerja setiausaha tidak kurang dari lima tahun.
- Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang berkaitan.
- Mempunyai Sijil Pendidikan (teknikal) adalah juga diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Mengajar pelatih-pelatih yang menjalani kursus kesetiausahaan serta mengawasi pelatih-pelatih yang dalam penempatan kerja.

2.4 KEJURUTERAAN AUTOMOTIF :

Kelayakan :

- City and Guilds dalam Teknisyen Automotif atau kelulusan-kelulusan jurusan berkaitan yang sebanding dengannya.
- Pengalaman mengajar atau bekerja dalam bidang automotif tidak kurang dari lima tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Mengajar pelatih-pelatih yang menjalani kursus Kejuruteraan Automotif/serta mengawasi pelatih-pelatih yang dalam penempatan kerja.

2.5 PLUMBING DAN PEMASANGAN PAIP :

Kelayakan :

- Sijil Teknologi Penuh atau Diploma Tertinggi dalam bidang Plumbing dan Pemasangan Paip atau kelulusan dan jurusan berkaitan yang sebanding dengannya.
- Pengalaman mengajar atau bekerja terutamanya dalam bekalan air utara, bekalan air ke rumah-rumah, Kimpal Gas, Kimpal Elektrik.
- Mempunyai kelulusan mengajar adalah satu kelebihan.
- Mempunyai kelayakan yang lebih tinggi dalam bidang berkaitan atau menjadi ahli Institute of Plumbing (UK) adalah diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Tanggagjawab utama akan melibatkan mengajar pelatih-pelatih yang menjalani kursus Plumbing dan Pemasangan Paip secara Teori dan praktikal.

2.6 MENCAT DAN MENGHIAS :

Kelayakan :

- Sijil Teknologi Penuh atau Diploma tertinggi dalam bidang mencat dan menghias atau kelulusan dan jurusan yang berkaitan yang sebanding dengannya.
- Pengalaman mengajar atau bekerja terutamanya dalam 'Industrial Protective Coating', mencat sembur atau perhiasan dalam (interior decoration).
- Mempunyai kelulusan mengajar adalah satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Mengajar pelatih-pelatih yang menjalani kursus mencat dan menghias secara teori dan praktikal.

2.7 RADIO, TELEVISYEN DAN ELEKTRONIK

- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektrik/Elektronik penghususan dalam TV warna dan/atau Alat Perakam Video atau kelulusan dan jurusan berkaitan yang sebanding dengannya.
- Pengalaman mengajar atau bekerja dalam bidang Radio, Televisyen atau Elektronik tidak kurang dari lima tahun.
- Mempunyai kelulusan mengajar adalah diutamakan.
- Menjadi ahli Institusi Jurutera Elektronik dan Radio UK (MIERE) atau sebarang kelulusan profesional yang berkaitan adalah diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Tanggagjawab utama akan melibatkan mengajar pelatih-pelatih yang menjalani kursus mekanik televisyen, membantu dalam perkembangan dan pembelajaran kursus-kursus lanjutan (TV warna dan Alat Perakam Video) serta mengawasi pelatih-pelatih yang dalam latihan bekerja.

2.8 KEJURUTERAAN ELEKTRIK :

Kelayakan :

- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektrik atau kelulusan dan jurusan berkaitan yang sebanding dengannya.
- Pengalaman mengajar atau bekerja terutamanya dalam bidang janakuasa elektrik dan logi elektronik berat tidak kurang dari lima tahun.
- Mempunyai kelulusan mengajar adalah satu kelebihan.
- Menjadi ahli Institusi Jurutera Elektronik UK (MIEE) atau sebarang kelulusan profesional adalah diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Mengajar pelatih-pelatih yang menjalani kursus elektrik pada kedua-dua peringkat pertukangan dan teknisyen, membantu dalam perkembangan dan menjalankan kursus-kursus pendek untuk latihan asas dan kursus-kursus pendek yang lebih lanjut dan khusus dalam bidang pemeliharaan stesen dan logi, sistem pengaliran (transmission system), alat-alat perlindungan dan lain-lain serta mengawasi pelatih yang dalam penempatan kerja.

B. SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAN PERMULAAN SEKOLAH MENENGAH

Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dalam mengajar penuntut-

penuntut yang akan menduduki peperiksaan Peringkat Biasa dan Peringkat Lanjutan dan yang berkemahiran untuk mengajar mata pelajaran mereka yang khusus dalam aliran Inggeris :

- Matematik (termasuk Matematik Tambahan)
- Bahasa Inggeris
- Sains Tulen (Kimia dan Fizik)
- Sains Campuran
- Sains Rumah tangga (termasuk makanan dan permakanan)
- Geografi
- Sejarah (termasuk Ekonomi dan Hal Ehwat Awam)
- Ekonomi
- Perdagangan
- Pengajian Perdagangan
- Prinsip Akuan
- Sains Pertanian
- Kerja Logam
- Sains Kejuruteraan
- Lukisan Geometri dan Mekanik.

SEKOLAH-SEKOLAH PERMULAAN

Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dalam mata-mata pelajaran umum dan juga Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

1. PEGAWAI PELAJARAN

Tanggagaji : G. 13 — \$2270-4240 sebulan.

Umur : 25-50 tahun.

Kelayakan :

- Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang yang bersesuaian dari universiti yang diiktiraf.
- Post-graduate Diploma atau Sijil Pendidikan.
- Pengalaman mengajar tidak kurang dari lima tahun.

2.1 GURU

Tanggagaji : G. 8 — \$1600-\$3260 sebulan.

ATAU
G. 3 — \$1310-\$2715 sebulan.

Umur : 25-40 tahun.

Kelayakan :

- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang bersesuaian dari Universiti atau Institut Pengajian Tinggi yang diiktiraf.
- Diploma atau Sijil Pendidikan.
- Pengalaman mengajar tidak kurang dari lima tahun.

2.2 GURU

Tanggagaji : G. 2 — \$1050-\$2165 sebulan.

Umur : 25-50 tahun.

Kelayakan :

- Diploma atau Sijil Pendidikan dari sebuah Maktab atau Institut Pengajian.
- Pengalaman mengajar.

Syarat-syarat Lantikan :

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baki pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 30 November, 1987.

Bilangan Pendaftaran : 113/1987

(E/1/82)

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

"SULIT — TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN 5 BUAH MESIN FRANK (FRANKING MACHINE) UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN POS, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

NOTIS TAWARAN MENCETAK BUKU BIL. : (7)/1987 DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

1 TAWARAN dipelawa daripada pencetak-pencetak dari Kategori A yang berdaftar dengan jabatan ini untuk mencetak sebuah tajuk buku di bawah Kategori A.

2 Dokumen dan peraturan-peraturan mencetak buku ini bolehlah diperolehi dari Bahagian Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada masa-masa bekerja.

3 Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjurusan sebelah kiri sampul surat tersebut hendaklah dibubuh perkataan : TAWARAN MENCETAK BUKU DBP BIL. : (7)/1987.

4 Semua tawaran hendaklah

dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan atau dikirim kepada :

Pengerusi
Lembaga Tawaran
Bangunan Kementerian Kewangan
Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan
1130

Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 16 November, 1987.

5 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat kepada mana-mana tawaran atau kepada tawaran yang paling rendah.

TAWARAN-TAWARAN YANG BERJAYA

1 Tawaran JKR bagi proposed 2 Nos. R. C. Bridges at Sungai Ratan dan Sungai Terunan, Sungai Liang/Labi Road (40/87) — Syarikat Tiara Sdn Bhd — \$808,108.35 — 5 bulan.

2 Tawaran JKR bagi construction of drainage system for the proposed Kiarong Link Road Phase I, BSB (42/87) — Purnama Construction — \$472,200.00 — 6 bulan.

3 Tawaran JKR bagi membina Dewan Serbaguna bagi Sk. Rendah Sg. Liang Daerah Belait (17/87) — Pemborong Haji Malik dan Anak-anak — \$466,920.00 — 15 bulan.

4 Tawaran Perubatan bagi Alat-alat Ganti HP Equipment dan Kontrak Pemeliharaanannya — Han Heng Co Sdn Bhd — \$52,320.00 setahun.

5 Tawaran JKR bagi membeli enam (6) buah Dump Truck (359/86) — Econ Motors Sdn Bhd — \$185,296.00 sebuah bagi Hino Diesel ZG 151 — 6 hingga 7 bulan.

6 Tawaran JKR bagi membeli enam (6) buah Motor Grader (351/86) — Maju Motors bagi Mitsubishi MG 350 — R — \$113,700.00 sebuah — 12 hingga 16 bulan.

7 Tawaran JKR bagi refurbishing of some abutment, exterior painting and miscellaneous repairs Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin (PWD/ST/63/87) — Maju Jaya Sdn Bhd — \$180,540.00 — 5 bulan.

8 Tawaran JKR bagi reinforced concreted bridge at Jalan Bengkurong (78/87) — Syarikat Morni — \$819,743.35 — 12 bulan.

9 Tawaran JKR bagi membeli dan menghantar 19,000 cubic meter batu-batu pembinaan Jalan Penghubung Istana Tetamu, BSB (43/87) — Puni Quarry — \$408,120.00 — 8 bulan.

10 Tawaran JKR bagi proposed overhead footbridge at Mile 1 1/2 Jalan Tutong, BSB (PWD/ST/30/87) — IBY Construction and General Trading — \$570,300.00 — 4 bulan.

11 Tawaran Lembaga Bandaran BSB bagi membekalkan 2 unit Detachable Container Truck—Goh Hock Kee Motor Sdn Bhd — \$150,000.00 (tanpa cukai) bagi jenis Mitsubishi Fuso FK445H Multifit Hooklift HL — 8L dan juga 12 buah detachable container — \$62,400.00.

12 Tawaran JKR bagi pembesaran stor dan makmal Bahagian Najis (14/87) — Syarikat Panchor Duli Bahagia — \$168,883.60 — 5 bulan.

13 Tawaran JKR bagi membeli satu (1) buah Wheel Hydraulic Excavator (353/86) — S & L Trading Sdn Bhd bagi Gradall G660 — GM353T — \$490,000.00 (termasuk cukai) — 120 hari.

14 Tawaran Stor bagi supply of Plywood (32/87) — Brusin Trading Co — \$60,150.00 (+ cukai) dihantar terus ke Stor Negara 60 hingga 90 hari bagi barang buatan Malaysia/Indonesia.

15 Tawaran Stor bagi supply of Expanded Metal, Mild Steel (34/87) — Kim Engineering Sdn Bhd — \$26,542.70 CIF Muara — 8 hingga 10 minggu bagi barang buatan Jepun.

16 Tawaran Stor bagi supply of Valves, Hydrants surface boxes etc (23/87) — Syarikat Perusahaan dan Perdagangan Maju Hayat — \$238,148.25 — 34 bulan.

17 Tawaran Stor bagi supply of Sluice Valves (30/87) — Hong Loong Industries Manufacturing Ltd — \$51,055.50 CIF Muara — 4 hingga 14 minggu.

18 Tawaran Stor bagi supply of Soap Toilet (35/87) — Brusin Trading Co — \$12,960.00 (termasuk cukai dan dihantar terus ke Stor Negara) — 30 hingga 45 hari.

19 Tawaran Stor bagi supply Roofing Sheet, Ridging and Iron Plain (33/87) — Brusin Trading Co — \$77,808.50 — 8 hingga 12 minggu.

20 Tawaran Stor bagi supply of Tyres 'Yokohama' (31/87) — Brusin Trading Co — \$18,054.00 termasuk cukai + dihantar terus ke Stor Negara — 30 hingga 60 hari.

21 Tawaran Polis bagi spares for Main Engine PDB 01/02/06 (5/1987) — Besco Equipment & Trading Co — \$122,191.85 — 26 hingga 30 minggu.

22 Tawaran Elektrik bagi supply of High Voltage Cable (PPL/20/87) — Showa Electric Wire & Cable Co Ltd — \$4,961,900.00 — 4 bulan.

23 Tawaran Stor bagi supply of Chain Saw 'Husqvarna' or Equivalent (28/87) — Ristu Jiwa Sdn Bhd — \$13,164.75 — 3 minggu.

24 Tawaran JKR bagi supply of Ductile Iron Pipes, Fittings and Specials for BSB (93/87) — Syarikat Perusahaan dan Perdagangan Maju Hayat bagi alternative offer — \$980,199.00 — 22 minggu.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Di Jabatan Perjawatan (Di Bahagian Unit Latihan)

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di JABATAN PERJAWATAN (BAHAGIAN UNIT LATIHAN), Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI LATIHAN ((Bilangan Kod : 032 19-423)
Tanggungaji : B. 2 — \$2270-\$3760 sebulan.

atau

B. 2 EB. 3 — \$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan :

1. a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengajian yang bersesuaian atau kelulusan yang berkaitan yang sebanding dengannya.

ATAU

- b) i) Higher National Diploma dalam bidang pengajian yang bersesuaian atau kelulusan yang berkaitan yang sebanding dengannya.

- ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III tidak kurang dari lima tahun.

- iii) Berpengalaman dalam bidang latihan, pentadbiran atau pengurusan kakitangan Kerajaan.

ATAU

- c) i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Latihan tidak kurang dari empat tahun.

- ii) Telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- d) i) Mempunyai kelulusan pengurusan dari institusi-institusi pengurusan dalam atau luar negeri yang diiktiraf.

- ii) Pemegang Diploma atau Diploma Lanjutan (Advanced Diploma) dalam bidang-bidang Pendidikan.

- iii) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Penolong Pensyarah/Penolong Pegawai Pelajaran.

2. Boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

3. Kebolehan memberikan syarahan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

4. Mengetahui sedikit sebanyak tentang adat istiadat Negara Brunei Darussalam.

Lain-lain Syarat :

Calon yang berjaya hendaklah bersedia pada masa yang akan ditentukan mengikuti latihan lanjut, kursus-kursus singkat di dalam/luar negeri dan kursus-kursus ijazah-ijazah lanjutan sehingga (Sarjana, P.H.D.) dalam bidang-bidang khusus di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh.

2. PENOLONG PEGAWAI LATIHAN
(Bilangan Kod : 032 19-424)

Tanggungaji : C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

1. a) Higher National Diploma atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya atau lulus sekurang-kurangnya Tahun Pertama Ijazah Sarjana Muda sama ada di bidang Pentadbiran Awam ataupun Pengurusan/Pengurusan Kakitangan.

ATAU

- b) Pegawai-pegawai Kerajaan dalam Bahagian III atau dalam tanggungaji yang baik dalam bidang pengajian yang bersesuaian dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun dan telah pun ditetapkan dalam jawatan dan mempunyai pengalaman kerja dalam bidang latihan atau pendidikan pentadbiran atau pengurusan kakitangan.

ATAU

- c) i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai guru sekurang-kurangnya 10 tahun.

- ii) Mempunyai kelulusan pengurusan dari institusi-institusi pengurusan dalam atau luar negeri yang diiktiraf.

- iii) Pemegang-pemegang Diploma/Diploma Lanjutan dalam bidang-bidang Pendidikan merupakan satu kelebihan.

ATAU

- d) Pegawai-pegawai Kerajaan dalam Bahagian IV yang mempunyai kelulusan Ordinary National Diploma ataupun kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang pengajian yang bersesuaian dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun dan telah pun ditetapkan dalam jawatan dan mempunyai pengalaman kerja dalam bidang latihan atau pentadbiran atau pengurusan/pengurusan kakitangan;

ATAU

- e) Pemohon-pemohon yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman kerja dalam bidang latihan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau sektor swasta.

2. Boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

3. Kebolehan memberikan syarahan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

4. Mengetahui sedikit sebanyak tentang adat istiadat Negara Brunei Darussalam.

Lain-lain Syarat :

Calon yang berjaya hendaklah bersedia pada masa yang akan ditentukan mengikuti latihan lanjut, kursus-kursus singkat di dalam/luar negeri dan kursus-kursus ijazah-ijazah lanjutan sehingga (Sarjana, P.H.D.) dalam bidang-bidang khusus di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut, hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 7 Disember, 1987

Bilangan Pendaftaran : 114/1987.

(E/13/79)

Sebagai Tukang Pelan Kanan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai TUKANG PELAN KANAN di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Kod : 084 03-292

Tanggungaji : C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan :

- a) Berumur di antara 22 hingga 45 tahun.

- b) i) Higher National Certificate atau TEC/BEC Higher Certificate dalam bidang "Draughtsmanship" atau yang sebanding dengannya serta mempunyai satu tahun pengalaman praktikal dalam Bahagian Pelan;

ATAU

- ii) Diploma dalam "Draughtsmanship" dan lima tahun pengalaman praktikal sebagai Tukang Pelan sama ada dari Perkhidmatan Kerajaan ataupun firma-firma tempatan/luar negeri yang diakui.

ATAU

- iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Tukang Pelan yang ditetapkan dalam jawatan dan 10 tahun pengalaman praktikal melukis pelan-pelan senibina serta tahu membaca pelan bangunan.

Syarat-syarat Lantikan :

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara kontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 17 Disember, 1987.

Bilangan Pendaftaran : 115/1987.

(E/42/47(FT))

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENAWAR-penawar yang berdaftar dengan Jabatan Stor dan Perbekalan Negara adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 2087 sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 16 November, 1987 bagi membekalkan perkhidmatan berikut :

TAWARAN BIL. : 71/1987

PLYWOOD (WBP) WEATHER BOIL PROOFED MANUFACTURED TO BSS 1455/1972 FROM RED MERANTI WOOD AND BONDED WITH THERMO SETTING PHEONIC ADHESIVE CONFORMING TO BSS 1203 GRADE B/BB

1. Size : $\frac{1}{2}$ " (6mm) x 4' x 8' — 15,000 Shts.

2. Size : $\frac{3}{4}$ " (18mm) x 4' x 8' — 1,500 Shts

TAWARAN BIL. : 72/1987

TARPAULIN CANVAS, WATER PROOF, EYELET, TED AND ROPED APPROXIMATELY 3 FEET INTERVALS, DOUBLE END

1. Size : 20' x 30' — 150 Nos.

TARPAULIN NYLON, PVC COATED "NYTRAP" EYELETTED AT APPROXIMATELY 3 FEET INTERVALS AND ROPED

1. Size : 12' x 18' — 250 Nos.

2. Size : 20' x 30' — 500 Nos.

TAWARAN BIL. : 73/1987

1. Mortice Sash Lock CP2 Level CZ-682-24-95 CH 2 $\frac{1}{2}$ " 'UNION' No. 2295 — 1,500 Sets

2. Lockset Alpha — Series 8000 Type : 80G25TR US32D — 1,500 Sets

TAWARAN BIL. : 74/1987

GALVANISED CONTINUOUS BUTT WELDED STEEL PIPE, TO BSS 1387/1967, CLASS MEDIUM, SCREW-ED AND SOCKETED ENDS, IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET, WITH THREAD TO BS: 21 PROTECTED AGAINST DAMAGED DURING SHIPMENT

1. Size : 6" diameter — 1,000 Lens.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperoleh dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 $\frac{1}{2}$, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan 2010 semasa waktu bekerja.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Syarat-syarat Tawaran

BIL : MINDEF/DFP/MTB/153/1987

MEMBEKAL :

TRAILER $\frac{1}{2}$ TON GS

BIL : MINDEF/DFP/MTB/154/1987

MEMBEKAL :

MOTOR CYCLE ROUGH TERRAIN

BIL : MINDEF/DFP/MTB/155/1987

MEMBEKAL :

LIFTING SLING (POLYESTER FIBER)

BIL : MINDEF/DFP/MTB/156/1987

MEMBEKAL :

MOVITEX DELUXE, NUMBERING 0 — 9 & LETTERING A — Z

BIL : MINDEF/DFP/MTB/157/1987

MEMBEKAL :

"TATEYAMA" SHOP DISPLAY UNITS FOR FAMILIES SHOP AT TUTONG CAMP

BIL : MINDEF/DFP/MTB/158/1987

MEMBEKAL :

FIBRE GLASS NAVY BOARD

BIL : MINDEF/DFP/MTB/159/1987

MEMBEKAL :

LOCK UNION

BIL : MINDEF/DFP/MTB/160/1987

MEMBEKAL :

LAND ROVER SPARES

BIL : MINDEF/DFP/MTB/161/1987

MEMBEKAL :

JERRICAN WATER PLASTIC 4 $\frac{1}{2}$ GALLON.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/152/1987

MEMBEKAL :

LETTERING SYSTEM 3M

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah di-
pelawa daripada pemohon.
Pemohon yang terdiri dari
rakyat Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam untuk memenuhi
jawatan kosong yang
berikut di dalam Perkhidmatan
Perkhidmatan Kerajaan,
Negara Brunei Darussalam.

PENYELIA KENDERAAN :

Bilangan Kod :
0135 — 994).

Di Jabatan Pasukan Bomba,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri).

Tanggaji : C. 1-2 EB. 3
\$1280-\$2270 sebulan.

Kelayakan :

i) Higher National Certificate dalam jurusan Mechanical Engineering atau kelulusan dan bidang berkaitan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) City & Guild of London dalam jurusan 'Internal Combustion Engine Work' atau 'Vehicle Work'.
— Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Mekanik Tingkat Khas tidak kurang dari 5 tahun.

iii) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang pernah mengikuti kursus 'Hydraulic Platform' di Simon Engineering atau mana-mana swasta pembinaan kereta-kereta bomba serta berpengalaman menggunakan dan membaiki pam-pam, jentera-jentera dan kereta-kereta bomba yang besar.

PENYUNTING KANAN :

(Bilangan Kod :
056 15 — 922).

(Di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).

Tanggaji : C. 3-4 EB. 5
\$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

i) Higher National Diploma dalam bidang Kewartawanan atau Media Massa atau kelulusan dan jurusan berkaitan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Penyunting tidak kurang dari 5 tahun.

iii) Dapat membaca dan menulis jawi dengan baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

a) Mengetahui Cawangan dan bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian bagi merancang, mengatur dan mengawasi kerja kegiatan Cawangan yang dipersetujui oleh Ketua Bahagian.

b) Bertanggungjawab terhadap disiplin dan prestasi kerja serta membimbing dan melatih kakitangan Cawangan.

c) Menyediakan projek dan kerja-kerja penyuntingan.

d) Menyediakan penulisan bagi jurnal serta mendaftar penulisan-penulisan bagi tujuan penarbitan jurnal.

e) Berusaha mewujudkan hubungan baik dengan penulisa bagi tujuan penerusan manunggal karya.

PEGAJAI PENYELIDIK :

(Bilangan Kod :
041 19 — 513).

(Di Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).

Tanggaji : C. 2 EB. 3 —
\$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan :

a) i) Higher National Certificate dalam jurusan yang bersesuaian atau kelulusan dan bidang berkaitan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) 1 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Pembantu Penyelidik tidak kurang dari 5 tahun.

b) Mahir menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris.

c) Boleh menulis dan membaca jawi dengan baik.

d) Kebolehan menulis rencana-rencana dalam penyelidikan Sejarah, Adat-Istiadat dan Kebudayaan adalah satu keutamaan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

a) Menyediakan dan mengumpulkan bahan-bahan sejarah untuk dijadikan bahan-bahan rujukan.

b) Menyusun, menulis dan mengemaskinikan kerja-kerja penyelidikan yang telah dilakukan.

c) Memberi bantuan dan kerjasama dengan pegawai-pegawai di Unit Penyelidikan.

4. PEMBANTU OPERESAN :

(Bilangan Kod :
016 35 — 973).

(Di Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan).

Tanggaji : C. 2 EB. 3 —
\$1450-\$2270 sebulan.

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Tawaran : 25/1987

PEMBEKAL-pembekal adalah dipelawa menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, tidak lewat pada hari Rabu 11 November, 1987, jam 3.00 petang mengenai perkara di atas.

Tawaran-tawaran hendaklah dikirimkan dalam sampul surat tertutup dan ditulis dengan perkataan "MEMBEKAL BUKU-BUKU SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA" tanpa membubuh atau menyatakan identiti pembekal dan masukkan ke dalam peti tawaran Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tingkat 1, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, 1180, Negara Brunei Darussalam.

Pembekal-pembekal adalah dikehendaki menyatakan harga dan tempoh pembekalan dari tarikh mulai menerima surat atau pesanan rasmi dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN

BILANGAN : 5/1987

TAWARAN adalah dipelawa dari pembekal-pembekal untuk membekalkan satu unit JENTERA ANGKAT SUNTAN KONTINA, 15 TAN mempunyai TELESCOPIC SPREADER daya muatan 7,000 Kilogram. Jentera yang ditawarkan hendaklah dengan harga CIF Muara, termasuk cukai (import duty).

Supply CIF Muara inclusive of import duty one unit CONTAINER FORKLIFT, 15 TONNES capacity with TELESCOPIC SPREADER capacity of 7,000 Kilogram.

Wang cagaran sebanyak \$100.00 hendaklah dibayar kepada Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Negara Brunei Darussalam.

Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan di dalam

Kelayakan :

a) i) Higher National Certificate dalam bidang yang bersesuaian.

ATAU

ii) 3 mata pelajaran termasuk Bahasa Inggeris, Matematik dan Fizik Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta berpengalaman tidak kurang dari 3 tahun dalam bidang penerbangan.

b) Mempunyai salah satu yang berikut adalah merupakan satu kelebihan :—

i) Lesen Pemandu Kapal Terbang Persendirian atau;

ii) Lesen asas Jurutera Pemeliharaan Kapal Terbang atau;

iii) Kursus Rendah Kawalan Lalulintas Udara.

Lain-lain Syarat :

Mempunyai minat dan kemahuan untuk mempelajari sedalam-dalamnya bidang penerbangan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Membantu dalam kerja-kerja Teknikal dan Pentadbiran di bahagian Operesen termasuk :—

a) Meminda dan menyemak buku-buku pandu teknikal, dokumen-dokumen ICAO, perintah dan arahan kebangsaan dan antarabangsa seperti yang perlu.

b) Memelihara dan mengemaskinikan Pendaftaran Pesawat Terbang serta butir-butir lesen pemandu pesawat terbang.

c) Menyediakan dan menyelenggara kutubkhanah bahagian Operesen dan dokumen-dokumen keselamatan penerbangan.

d) Menyusun dan mencatat peta-peta, carta dan pelan-pelan teknikal.

e) Membantu kerja-kerja Pegawai Operesen.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 5 Disember, 1987.

(Bilangan Pendaftaran :
111/1987).

(E/1328/87).

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL. : PPL/MTB/379/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF STREET LIGHTING CUTOUTS.

Tarikh tutup : 11 November, 1987.

Cagaran : \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL. : PPL/MTB/380/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF PHOTOCELL CONTROL UNITS.

Tarikh tutup : 11 November, 1987.

Cagaran : \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL. : PPL/MTB/393/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF PVC PIPES.

Tarikh tutup : 18 November, 1987.

Cagaran : \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

BIL. : PPL/MTB/381/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF SAFETY HATS.

Tarikh tutup : 11 November, 1987.

Cagaran : \$100.00.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL. : PPL/MTB/340/1987

Tajuk kerja : PEMELIHARAAN LOJI-LOJI HAWA DINGIN DI KEDIAMAN RASMI YTM PENGIRAN ABU RAJA PENGIRAN ANAK HAJJAH BESAR SERI ALAM, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNTUK SELAMA 2 TAHUN.

Cengkeram : \$200.00.

Tarikh tutup : 11 November (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong : Kelas : "A" atau "B" (Hawa Dingin sahaja).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL. : PPL/TB/31/1987

Tajuk kerja : PEMELIHARAAN LOJI-LOJI HAWA DINGIN DI BANGUNAN HIJAU BAIDURI DAN AMBAR KASTURI, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNTUK SELAMA 2 TAHUN.

Cengkeram : \$200.00.

Tarikh tutup : 9 November (hari Isnin) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong : Kelas : "A" (Hawa Dingin sahaja).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL. : PPL/TB/35/1987

Tajuk kerja : PEMASANGAN HAWA DINGIN UNTUK BANGUNAN TAMBAHAN BAGI PEJABAT PERCETAKAN KERAJAAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS—BLOK A & B.

Cengkeram : \$500.00.

Tarikh tutup : 2 November (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran Kementerian Kewangan.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

BIL: JKR KB 55 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk :

PROJEK No. : 87AB/23300

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BARIK DUA TINGKAT, KUALA BELAIT (PERINGKAT I).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan d'apati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 November, 1987.

Tarikh tutup : 11 November 1987.

Cagaran tawaran : \$200.00.

BIL: JKR KB 56 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk :

PROJEK No. : 87AB/23300

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BARIK DUA TINGKAT, KUALA BELAIT (PERINGKAT II).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan d'apati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 November, 1987.

Tarikh tutup : 11 November 1987.

Cagaran tawaran : \$200.00.



KURSUS BTEC



"INDUSTRIAL MEASUREMENT AND CONTROL"



KEMENTERIAN Pelajaran Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad menawarkan kursus 3 tahun BTEC "Industrial Measurement and Control" di Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait.

PROGRAM

Integrasi latihan bilik darjah dan praktikal di MKJB dan BSP.

KERJAYA DENGAN SHELL BRUNEI

Setelah menamatkan latihan dengan jayanya para lulusan akan ditempatkan bertugas di sebuah jabatan pemeliharaan sama ada di Syarikat Minyak Shell Brunei (BSP) atau Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) untuk bekerja dengan penyelia yang berpengalaman sebagai "Instrument Mechanic". Awang akan bekerja dengan peralatan "pneumatic" dan elektronik seperti "d/p cells, Control Valves

and Quality Measuring Instruments" dan sebagainya.

Terdapat peluang-peluang untuk pemajuan melalui teknisyen ke peringkat penyelia.

Peluang untuk memperolehi biasiswa ke universiti politeknik luar negeri akan terbuka kepada mereka yang membuktikan kebolehan akademik dan pelaksanaan kerja yang cemerlang.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pelatih akan menerima elaun kursus bulanan. Rawatan perubatan percuma dan kemudahan-kemudahan riadah yang baik juga disediakan. BSP boleh, atas kebijaksanaannya, menyediakan tempat kediaman dalam keadaan tertentu. Tempoh latihan akan diambil kira dalam menentukan hak cuti dan faedah-faedah perkhidmatan.

Pelatih yang diterima bekerja selepas menamatkan latihan dengan jayanya akan diikatjamin untuk berkhidmat dengan syarikat-syarikat di dalam Syarikat Brunei Shell bagi tempoh tiga tahun.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Negara Brunei Darussalam
- Berumur di bawah 23 tahun pada 1 Januari, 1988
- Lulus Tingkatan V dengan mendapat sekurang-kurangnya dua mata pelajaran sama ada Matematik atau Sains dan Bahasa Inggeris.
- Berminat mengikuti kerjaya dalam industri minyak dan gas.

CARA MEMOHON

Borang-borang permohonan boleh didapati di pusat-pusat berikut :

1. Kementerian Pelajaran.
2. Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah
3. Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad.

Tarikh tutup penerimaan permohonan ialah 10 November, 1987.

Penuntut-penuntut dipelawa sertai skim latihan sepak takraw

PENUNTUT-PENUNTUT dari sekolah-sekolah menengah dan maktab di Daerah Brunei dan Muara adalah dipelawa untuk menyertai skim latihan sepak takraw bagi pemilihan pasukan kebangsaan sekolah-sekolah Brunei Darussalam untuk Kejuaraan Sepak Takraw Sekolah-sekolah ASEAN bagi tahun 1988.

Mereka yang berkeinginan untuk menyertai skim itu mestilah masih lagi bersekolah atau menuntut dan berumur 18 tahun ke bawah di tahun 1988. Mereka juga mestilah pernah bermain sepak takraw dan sanggup menjalani latihan yang diberikan di samping mendapat kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga.

Pendaftaran bagi menyertai skim tersebut bermula pada 31 Oktober hingga 4 November dari jam 2.30 petang hingga 4.30 petang manakala pada hari Ahad pendaftaran bermula pada jam 7.30 hingga 9.30 pagi.

Semua pendaftaran boleh dibuat kepada Cikgu Mohammad bin Salleh, Jurulatih Sepak Takraw Sekolah-sekolah Negara Brunei Darussalam, bertempat di Dewan Sekolah Menengah SMJA.



SABINA striker utama Belia Temburong membuat percubaan di depan pintu gol SABINA. Bagaimanapun Belia Temburong tewas 4-1. — Gambar oleh Pg. Hj. Yaakub.

PANAGA 'A' muncul sebagai juara Kejohanan Bola Jaring setelah menewaskan Kelab Ria Shell 'A' dengan 12-7 yang berlangsung di Kompleks Sukan kelab tersebut Ahad lepas.

Dalam perlawanan akhir itu, kedua-dua pasukan memulakan permainan dengan berhati-hati sehingga pergerakan kedua pasukan hanya tertumpu di bahagian tengah gelanggang dan hanya sekali-sekala melakukan percubaan jarak jauh.

Bagaimanapun, dalam pusingan seterusnya corak permainan telah berubah dengan masing-masing cuba untuk mengatasi lawannya. Begitupun Panaga 'A' telah bernasib baik mengatasi Kelab Ria Shell dengan lebih 5 jaringan.

Sementara itu tempat ketiga telah disandang oleh Pasukan Polis Diraja Brunei, manakala Pasukan Kelab Ria Shell 'B' pula menduduki tempat keempat.

Menurut pihak penganjur perlawanan, Dk Naemah Pg. Hay Ahmad, kejohanan tersebut bertujuan untuk

Tewaskan Kelab Ria Shell PANAGA 'A' MUNCUL JUARA BOLA JARING

meningkatkan lagi mutu permainan tersebut selain daripada menggalakkan minat kaum wanita untuk bergiat di dalam lapangan sukan.

Beliau juga menyatakan melalui kejohanan itu nanti sukan bola jaring akan dapat dikembangkan terutama di peringkat negara.

Selubungan dengan itu beliau berharap beberapa orang pemain yang berbakat akan dapat ditampilkan bagi kejohanan-kejohanan yang akan datang.

"Kami menjangkakan di masa-masa akan datang lebih banyak pasukan akan menyertainya dan seterusnya akan muncul pula pemain-pemain yang berbakat untuk diasuh bagi diketengahkan dalam

Bola Sepak Piala Pengiran Digadong Sabina temui Sri Bolkihah di peringkat akhir

KELAB Bolasepak Sri Bolkihah dan Sabina berjaya menempah tiket ke pertandingan akhir merebut Piala Pengiran Digadong pada 30 Oktober depan di Stadium Negara Hassanah Bolkihah, setelah keduanya memenangi perlawanan masing-masing dalam peringkat separuh akhir Jumaat lepas.

Kedua-dua kelab dari Daerah Brunei dan Muara itu memperlihatkan kecemerlangan mereka tanpa menghadapi tentangan sengit. Sri Bolkihah menundukkan Mesra 3-2 manakala Sabina menewaskan Belia Temburong 4-1.

Sri Bolkihah yang kebanyakannya dibarisi oleh pemain-pemain daripada Kampong Ayer memulakan permainan dengan gerakan yang cepat dan seterusnya memperolehi gol sulung dalam minit ke-9 melalui Metusin bin Haji Asmat setelah penjaga gol Mesra, Azman Bahar gagal membuat clearance dan bola meluru ke depan kaki Asmat yang sudah bersedia untuk bertindak.

Setelah ketinggalan 1-0, Mesra kemudian dapat mengikuti corak permainan Sri Bolkihah dan seterusnya menguasai sebahagian besar permainan dalam separuh masa pertama. Penyerang-penyerang Mesra yang terdiri daripada Zamri Zainal, Rosli Sabli, Anwar Johari dan Ak. Zakaria Pg. Rosli terus melancarkan serangan bahaya. Bagaimanapun kesemua percubaan itu berjaya ditepis



GOL Penyerang SABINA melonjak kegembiraan apabila rembatannya tepat menepati sasaran dan seterusnya menewaskan penjaga gol Belia Temburong dalam perlawanan separuh akhir di Padang Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan. — Gambar oleh Pg. Hj. Yaakub.

keluar oleh penjaga gol, Ak. Ali Bahrin Pg. Hj. Omar.

Mesra sekalipun masih ketinggalan 1-0, mereka terus melancarkan serangan bahaya ke mulut gol Sri Bolkihah. Asakan demi asakan yang mereka lakukan itu akhirnya membuahkan hasil setelah Anwar Johari berjaya menjaringkan sepakan penalti dalam separuh masa kedua yang menjadikan kedudukan seri 1-1. Sepakan penalti itu diberikan oleh pengadil Pg. Tajuddin yang mendapati salah seorang pemain Sri Bolkihah melakukan kesalahan di depan pintu gol mereka ketika merebut bola di udara.

Dengan kedudukan 1-1, penyerang-penyerang Mesra terus ghairah melancarkan serangan demi serangan ke kubu Sri Bolkihah di setiap sudut. Begitupun mereka gagal menambahkan jaringan.

Dalam keadaan ghairah itu, Sri Bolkihah sekali sekala berjaya melakukan serangan balas dan seterusnya memperolehi gol kedua di minit ke-74 melalui Zainuddin Haji Bakar dan dengan mudah menunduk bola itu masuk.

Tidak lama selepas jaringan itu, Sri Bolkihah terus mengukuhkan kedudukan 3-1

melalui Wan Hassan Wan Ibrahim yang membuat percubaan daripada jarak jauh dan gagal diselamatkan oleh penjaga gol Azman Bahar.

Meskipun sudah ketinggalan 3-1, pemain-pemain Mesra tidak berputus asa untuk memberikan cabaran dan melakukan serangan-serangan balas. Ternyata hasil daripada gerakan yang bertalu-talu itu akhirnya mereka memperolehi jaringan kedua di minit-minit terakhir juga melalui Anwar Johari yang ketika itu secara solo melarikan bola ke sudut kiri dan merembat masuk menjadikannya kedudukan 3-2.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail BELIA & SUKAN

perlawanan akan datang" katanya.

Kejohanan tahunan kali kedua itu disertai oleh kira-kira 18 buah pasukan yang

terdiri daripada jabatan-jabatan kerajaan, kelab-kelab, pertubuhan-pertubuhan swasta dengan dibahagikan kepada dua kumpulan.



HAMPIR mendekati jaring..... tanpa dicabar oleh mana-mana pemain, salah seorang pemain membuat percubaan dalam kejohanan bola jaring yang berlangsung di Kelab Ria Seria. — Gambar oleh Harun Rashid.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berkenan menyaksikan pameran bahagian masakan PEKERTI. Juga kelihatan menyaksikan sama ialah YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah — lagi gambar-gambar di muka surat 3. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub PMHH.

KOTA BATU. — Permainan-permainan tradisi kita patutlah diasuh dan dipertahankan supaya ianya akan terus berlanjutan dan terjamin hidupnya.

Untuk mempertahankannya, pihak-pihak yang berupaya diingatkan supaya

Makluman

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Pos akan mengeluarkan setem Buah-buahan Tempatan Siri Pertama pada hari Sabtu 31 September depan.

Setem-setem tersebut berharga 50 sen setiap sekeping akan dijual di semua Pejabat Pos. Sementara sampul surat rasmi hari pertama berharga 45 sen sekeping telah dijual pada 19 Oktober lalu.

akan dapat menyebarkan permainan tradisi ini kepada anak-anak kita bukan sahaja mengetahui apakah dia permainan tradisi yang diwarisi oleh mereka itu, bahkan juga mereka akan boleh memainkannya dan mengajar anak-anak mereka tentang permainan-permainan tradisi supaya ianya akan terus dikekalkan.

Menegaskan demikian semasa merasmikan bengkel permainan tradisi Brunei, Permainan Pasang pada 26 Oktober lepas bertempat di Jabatan Muzium-Muzium Brunei di sini, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia

dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud berkata, "Setiap permainan tradisi yang diwujudkan oleh sesuatu puak atau masyarakat adalah disebabkan oleh dorongan atau pengaruh alam sekitar dan dengan usaha dari orang-orang yang menghayati masyarakat dengan mengambil kira bahawa setiap permainan itu dibuat menurut kesesuaian masyarakat atau puak itu dan mengikut apa jua nilai-nilai yang akan diperolehi dari permainan itu semata-mata untuk kebaikan mereka.

Oleh yang demikian kata

Oleh Dk. Fatimah PHMN

Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali, setiap permainan tradisi sesuatu bangsa itu tidaklah sama dengan permainan tradisi satu bangsa yang lain tetapi dengan berkembangnya ilmu pengetahuan dan meluasnya perkembangan media massa maka dengan senangnya kita menerima dan mengamalkan permainan-permainan itu yang datang dari luar negeri sehingga permainan itu seisi dengan jiwa kita, dan menyebabkan ada di antara permainan tradisi kita luput dari amalan dan tinggal sebagai ristaan sahaja.

"Dengan luputnya permainan tradisi itu maka hilanglah jua faedah-faedah untuk kebaikan masyarakat yang boleh didapati dari permainan-permainan tradisi itu seperti bagaimana cara permainan tradisi itu dan mungkin jua menyebabkan kelonggaran dan adanya jurang pemisah dalam masyarakat tersebut.

Apa yang penting tambah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan itu, kita patutlah berfikir tanpa menggerusuh atau gopoghapah sebelum menerima

SEMINAR UKUR TANAH ASAS PEMBANGUNAN

Dari muka 1

pegawai-pegawai kerajaan yang melibatkan diri dalam kerjaya ukur tanah dan pemetaan serta dalam bidang komputer.

Pihak penganjur juga memberi peluang kepada pihak swasta iaitu pihak perunding kepada jabatan-jabatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, yang sedang mengemukakan projek-projek kerajaan dan menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan ukur tanah dan pemetaan.

Menurut Juruukur Tanah Kanan, Pengiran Metusin bin Pengiran Matasan, ketika ini Jabatan Ukur sedang giat membuat penyelidikan bersama dengan Jabatan Tanah dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan dalam bidang ukur tanah 'Strata'. Khusus bagi tujuan tersebut seorang pakar telah didatangkan khas untuk memberi butir-butir lanjutan berhubung dengan penyediaan undang-undang "Strata".

Di seminar tersebut selain daripada penceramah-

penceramah yang tidak asing lagi kepakarannya, peserta-peserta seminar juga berpeluang berbincang dan bertukar-tukar pendapat demi untuk memajukan lagi kerjaya ukur tanah dan pemetaan. Selain dari itu, pertunjukan teknik dalam bidang tersebut juga diadakan oleh Jabatan Ukur dan pihak swasta dari dalam dan luar negeri.

Antara yang dipamerkan termasuklah peralatan yang moden dan masa kini serta alat-alat ukur tanah dan pemetaan yang dibantu oleh komputer.

Didakwa kerana rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN.


— Awang Haji Johari bin Haji Abd. Karim, berusia 28 tahun, seorang Penguasa Perkapalan di Jabatan Laut, Bandar Seri Begawan telah didapati bersalah oleh Mahkamah Majistret di sini pada 17 Oktober, di atas dua kesalahan secara tidak jujur menerima rasuah di bawah Bab 6(a) dari Akta Pencegahan Rasuah.

Sebagai seorang Penguasa Perkapalan, antara tugas Awang Haji Johari ialah mengeluarkan pas pelepasan pelabuhan kepada pemandu bot antara Limbang dan Bandar Seri Begawan. Dia telah menyalahgunakan kedudukannya dengan mendesak untuk mendapatkan wang tunai daripada dua orang pemandu bot atau jika mereka gagal untuk berbuat sedemikian dia mengugut untuk melambatkan mengeluarkan pas pelepasan pelabuhan bagi pemandu-pemandu ini. Tidak ada bayaran dikenakan berhubung dengan pas pelepasan.

Awang Haji Johari telah di jatuhkan hukuman penjara selama sembilan bulan di atas setiap kesalahan yang mana hukuman-hukuman tersebut telah diperintahkan oleh mahkamah untuk dijalankan secara berterusan. Akan tetapi dia telah menghadapkan notis rayuan terhadap sabit kesalahan dan hukuman.

Pembetulan

Terdapat kesalahan pada makna petikan hadis dalam ruangan Manisnya Iman keluaran Pelita Brunei, bilangan 42 bertarikh 21 Oktober, 1987 pada ayat seperti berikut ".... dan yang mendalamkan baju dalamnya (kerana kesombongan)." hendaklah dibaca sebagai ".... dan yang melabuhkan pakaiannya (kerana kesombongan)." (pakaian yang 'mengirit' ke tanah). — Atas kesilapan tersebut Penyunting memohon maaf.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud menyaksikan permainan tradisi permainan pasang. Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Bersatu ke arah keamanan dan kemajuan